



# LAPORAN TAHUNAN **2019**

---

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



# KANDUNGAN

3	<b>PERUTUSAN KETUA PENGARAH</b>
4	<b>VISI, MISI DAN OBJEKTIF</b>
6	<b>LEMBAGA PENASIHAT PNM</b>
8	<b>CARTA ORGANISASI</b>
10	<b>PENGURUSAN TERTINGGI PNM</b>
12	<b>PENCAPAIAN UTAMA &amp; PERISTIWA PENTING</b>
19	<b>PENGURUSAN PERPUSTAKAAN</b>
54	<b>PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN</b>
78	<b>PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN</b>
106	<b>SISTEM PENGURUSAN KUALITI</b>
108	<b>PUSPANITA</b>
112	<b>KELAB PNM</b>
117	<b>PENULISAN</b>
122	<b>TERBITAN PNM</b>
125	<b>KERATAN AKHBAR</b>



## PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya Laporan Tahunan Perpustakaan Negara Malaysia 2019 yang menaratifkan pencapaian PNM berjaya diterbitkan.

Di seluruh dunia, perpustakaan ialah institusi sosiobudaya yang penting untuk memajukan masyarakat. Sementelahan, bagi memperkasakan perkhidmatan khususnya dalam era masyarakat pintar yang serba pantas lagi progresif, perkhidmatan perpustakaan perlu lebih dinamik merentas sempadan negara, bangsa, geografi dan masa. Ketersediaan perkhidmatannya adalah pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja tanpa batasan, secara dua puluh empat jam sehari (24/7). Justeru itu, bagi memantapkan pembangunan modal insan, PNM sentiasa meningkatkan kompetensi dan kepakaran para pegawainya dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan kemahiran kepustakawanan semasa yang relevan.

Oleh yang demikian, selaras dengan agenda *International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) "Akses dan Peluang untuk Semua" (Access and Opportunity for All)* bagi menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030, PNM mengambil inisiatif baharu dengan menyediakan sepuluh (10) lokasi penempatan perkhidmatan *e-Book Beacon Zone* untuk kemudahan pelancong yang melawat Malaysia. Perkhidmatan yang disediakan menerusi aplikasi *Smart Tourism* ini membolehkan para pelancong mengakses bahan bacaan rujukan semasa berada di Malaysia menerusi peranti pintar masing-masing. Inisiatif ini adalah antara langkah mula ke arah mempromosikan Malaysia sebagai destinasi *bibliotourism* bersempena dengan pengisytiharan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia (KLWBC) 2020.

Seterusnya dalam usaha melestarikan khazanah warisan intelek negara agar kekal terpelihara, PNM mengambil inisiatif mendigitalkan koleksi sumber perpustakaan yang ada. Usaha ini dilaksanakan secara berfasa bermula dengan koleksi yang dikategorikan sebagai Koleksi Negara (KN) dan manuskrip Melayu. Pendigitalan koleksi dan perkhidmatan PNM sebahagian daripada usaha menjadikan PNM sebagai sebuah perpustakaan pintar pada masa depan.

Perpustakaan adalah tentang ruang di mana ruang yang disediakan ini adalah untuk dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat untuk berkarya dan menzahirkan kreativiti. Peka dengan keperluan ini, maka pada tahun 2019 kami memulakan Projek Pemusatan Perkhidmatan PNM bernilai RM12.8 juta dengan menaik taraf ruang perkhidmatan di dalam bangunan Anjung Bestari yang berkonsepkan perpustakaan masa depan. Antara ruang yang disediakan adalah bilik studio, bilik idea dan kreativiti dan juga bilik eksklusif. Apabila siap projek ini pada tahun 2022 nanti, reka bentuk fizikal PNM akan berubah kepada sebuah perpustakaan hibrid dengan gabungan struktur reka bentuk luar (*exterior*) bercirikan warisan tradisi Melayu yang diadun dengan sentuhan elemen moden dan futuristik di ruang bahagian dalam (*interior*) bangunan.

Seterusnya dari segi pelaksanaan aktiviti, beberapa program yang signifikan dengan galakan budaya membaca, penyemaran bahasa dan pemartabatan profesion pustakawan telah berjaya dilaksanakan. Antara programnya ialah Festival Sastera Kanak-kanak, Karnival Semarak Jawi, Malam Baca Puisi Dunia, Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia 2019 dan Jom Baca Bersama 10 Minit.

Akhir kata, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia yang terus menjadikan amalan membaca sebagai budaya dan gaya hidup. Bacalah Malaysiaku!

Sekian.

### MAIZAN ISMAIL

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia





## VISI, MISI & OBJEKTIF

### VISI

"Pemacu perkhidmatan perpustakaan dan maklumat Negara bertaraf dunia"



### MISI

"Memperkasa perkhidmatan perpustakaan dan maklumat berkualiti serta memelihara khazanah intelek Negara bagi membentuk masyarakat berilmu"



### OBJEKTIF

- Menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;
- Memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara; dan
- Mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan perpustakaan





LEMBAGA PENASIHAT PNM



# LEMBAGA PENASIHAT PNM

## Ahli Lembaga Penasihat PNM





*Pengerusi*

**YBHG. DATUK  
ADELINE LEONG**



*Ahli*

YBHG. TAN SRI PROF.  
DATUK WIRA DR. ABDUL LATIFF  
BIN ABU BAKAR



*Ahli*

YBHG. DATO' PROF.  
EMER. DR. IBRAHIM BIN  
AHMAD BAJUNID



*Ahli*

YBHG. DATO'  
MOHD ALI HANAFIAH BIN  
MOHD YUNUS



*Ahli*

YBRS. PROF. DR JUHANA  
BINTI SALIM



*Ahli*

YBRS. PROF. DR. SOHAIMI  
BIN ZAKARIA



*Ahli*

YBRS. ENCIK MOHD ZAMRI  
BIN MOHD IDRUS



*Ahli*

YBRS. ENCIK KAMARUL  
BAHARIN BIN HARON



*Ex-officio*  
(sehingga 22 November 2019)

YBHG. DATUK ISHAM  
BIN ISHAK




*Ex-officio*


YBRS. PUAN MAIZAN  
BINTI ISMAIL



Carta Organisasi




**PEMBANGUNAN**



**PERKHIDMATAN**



**TIMBALAN KETUA PEGARAH**  
Siti Aishah Binti Sheikh Kadir



## Pengurusan Tertinggi PNM

KETUA PENGARAH



MAIZAN BINTI ISMAIL

TIMBALAN KETUA PENGARAH



SITI AISHAH BINTI SHEIKH KADIR

PENGARAH  
KHIDMAT PENGURUSAN DAN  
SUMBER MANUSIA



SAIFUL AZLI BIN MAHAMAD NOR

PENGARAH  
PERKHIDMATAN RUJUKAN  
DAN MAKLUMAT



DATIN JAMALIAH BINTI MOHD NAYAN

PENGARAH  
PERPUSTAKAAN CAWANGAN DAN  
KOMUNITI



SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB



PENGARAH  
PRASARANA ILMU DAN MAKLUMAT



ABD RAHMAN BIN SUDIN

PENGARAH  
PERKHIDMATAN KORPORAT



FADHILAH AINI BINTI MD YUSOF

PENGARAH  
PEMBANGUNAN KOLEKSI



EDY IRWAN BIN ZULKAFLI

PENGARAH  
PERPUSTAKAAN DIGITAL NEGARA



NOR O'BAIDAH BINTI ABIDIN

PENGARAH  
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT




NORAZWANA BINTI YUSOF

PENGARAH  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN  
MODAL INSAN



WAN ROZAINI BIN WAN IBRAHIM





PENCAPAIAN UTAMA &  
PERISTIWA PENTING

PENGURUSAN KEWANGAN

2019  
Bajet

Peruntukan  
**RM162,357,162.59**

Pada tahun 2019, PNM telah menerima peruntukan berjumlah RM162,357,162.59 bagi perbelanjaan mengurus termasuk Dasar Sedia Ada, *One-Off* dan Program Khusus. PNM telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM161,905,033.23 dengan peratus perbelanjaan sebanyak 99.72%. Peruntukan ini

diagihkan kepada Bahagian-bahagian dan Pengarah Sub-aktiviti dan Ketua Bahagian yang bertanggungjawab bagi mengurus peruntukan tersebut dengan dikawal selia oleh Ketua Aktiviti, Ketua Program dan Pegawai Pengawal.

SIJIL MS ISO 9001:2015

Jabatan telah berjaya memperolehi Sijil MS ISO 9001:2015 pada 14 Mac 2019. Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 telah dijalankan oleh badan persijilan iaitu daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. selama tiga (3) hari pada 6 hingga 8 Mac 2019.



PERKHIDMATAN E-BOOK BEACON ZONE

Malaysia merupakan salah satu negara yang menjadi tumpuan utama pelancong. Antara inisiatif PNM di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) bagi menyokong industri pelancongan termasuklah mewujudkan perkhidmatan buku elektronik (*e-book*) menggunakan teknologi *Internet of Things* (*Beacon*) kepada pelancong sempena Visit Malaysia 2020 (VM2020). Penyediaan perkhidmatan *e-Book* Beacon Zone melalui kemudahan Smart Tourism amat berguna kepada pelancong dan juga rakyat Malaysia bagi membolehkan mereka memuat turun bahan-bahan mengenai negara dalam bentuk digital ke dalam telefon pintar peribadi mereka. Terdapat sepuluh (10) lokasi penempatan perkhidmatan *e-Book* Beacon Zone di kawasan tumpuan para pelancong dan masyarakat tempatan, iaitu di KL Bird Park, Muzium Negara, Masjid Putra, MOTAC, KL City Walk, Melaka River Cruise, Institut Jantung Negara, Pasar Seni, Kompleks Kraf dan KL Sentral.



Alat Beacon



Bahan promosi perkhidmatan Beacon



## PERPUSTAKAAN BUKU2U @ RADIA BUKIT JELUTONG



Malaysia merupakan salah satu negara yang menjadi tumpuan utama pelancong. Antara inisiatif PNM di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) bagi menyokong industri pelancongan termasuklah mewujudkan perkhidmatan buku elektronik (*e-book*) menggunakan teknologi Internet of Things (Beacon) kepada pelancong sempena Visit Malaysia 2020 (VM2020). Penyediaan perkhidmatan e-Book Beacon Zone melalui kemudahan *Smart Tourism* amat berguna kepada pengguna.



*Kemudahan yang disediakan di dalam Perpustakaan Buku2u@Radia Bukit Jelutong*

## PERSIDANGAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN MALAYSIA

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya telah menganjurkan Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia pada 26 dan 27 Mac 2019 bertempat di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, Kementerian Kerja Raya Malaysia. Penganjuran kali ini dengan tema #MalaysiaMembaca sejajar dengan pelancaran Dekad Membaca Kebangsaan dan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca menjelang 2030, dengan perpustakaan berperanan dalam membentuk masyarakat berbudaya ilmu dan membaca. Majlis perasmian ini disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohamaddin Ketapi, Menteri Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.



*Pelancaran Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia oleh YB Datuk Mohamaddin Ketapi, Menteri Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya*

## LARIAN ULAT BUKU U-PUSTAKA



Acara pelepasan larian oleh YB Datuk Mohamaddin Ketapi bersama-sama tetamu VIP di garisan permulaan

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menganjurkan Program Larian Ulat Buku u-Pustaka (u-PUSTAKA BOOKWORM RUN) 2019 pada 31 Mac 2019 bertempat di Dataran Merdeka, Jalan Raja, Kuala Lumpur. Acara pelepasan larian (flag-off) telah disempurnakan oleh YB Datuk Mohamaddin bin Ketapi, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia pada pukul 7.00 pagi.

Larian u-Pustaka ini merupakan julung kali diadakan bagi meraikan ulang tahun kelapan u-Pustaka sejak pelancarannya pada 31 Mac 2011. Seramai 4000 orang peserta daripada pelbagai lapisan umur, jantina, bangsa, agama dan pekerjaan telah menyertai program ini. Program ini bertujuan memberikan pendedahan dan kesedaran secara meluas kepada rakyat mengenai perkhidmatan u-Pustaka, meningkatkan budaya membaca yang memerlukan gaya hidup sihat dan minda yang cerdas serta mengeratkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.



## JOM BACA BERSAMA 10 MINIT PERINGKAT KEBANGSAAN



Jom Baca Bersama selama 10 Minit Peringkat Kebangsaan 2019 telah diadakan pada 23 April 2019 di Dewan Perdana, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan YBhg. Dato' Nafisah binti Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia merasmikan program Jom Baca Bersama 10 Minit Peringkat Kebangsaan sambil disaksikan YBhg. Dato' Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Dato' Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah PNM



Sesi perkongsian Bacaan Kegemaran Saya oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Sesi Baca Selama 10 Minit sedang berlangsung di dalam Dewan Perdana, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri



## FESTIVAL SASTERA KANAK-KANAK

Festival Sastera Kanak-kanak 2019 (FSK 2019) bertemakan 'Jelajahi Dunia Dengan Membaca' telah diadakan pada 4-6 Oktober 2019 di Perpustakaan Negara Malaysia. Ia dirasmikan oleh YB. Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik, Timbalan Menteri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan merupakan kerjasama PNM dengan Perbadanan Kota Buku (PKB), Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dan Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja Malaysia (MBBY).

Program ini merupakan platform untuk pengkarya sastera kanak-kanak berkongsi idea untuk memperluaskan penghasilan karya sastera kanak-kanak di Malaysia. Antara pengisian aktiviti adalah Pertandingan Bercerita, Bengkel, Diskusi mengenai halu tuju sastera kanak-kanak serta penjilidan buku.



Majlis Perasmian Festival Sastera Kanak-kanak 2019 yang disempurnakan oleh YB Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik, Timbalan Menteri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia



Sesi Bercerita sedang berlangsung sempena Festival Sastera Kanak-kanak




## MALAM BACA PUISI DUNIA: PUISI DALAM ZAMAN TIDAK PUITIS

Malam Baca Puisi Dunia diadakan dengan mengumpulkan pemuisi daripada beberapa buah negara termasuk Jepun, Perancis, New Zealand, Bangladesh serta Malaysia. Malaysia turut diwakili beberapa nama besar dalam dunia sastera negara termasuklah Sasterawan Negara Datuk A Samad Said. Majlis anjuran bersama Perpustakaan Negara Malaysia dengan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) ini diadakan dengan penuh gilang-gemilang bersuasanakan Hutan Hujan. Program ini telah dihadiri seramai 350 orang yang terdiri dalam kalangan peminat dan pencinta puisi.

Program ini dirasmikan oleh YBrs. Cik Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia yang mewakili YB. Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Malam Baca Puisi Dunia ini juga merupakan salah satu pengisian aktiviti bagi menyokong Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia (KLWBC) 2020 untuk menggalakkan budaya membaca menerusi wadah sastera dan budaya. Dalam masa yang sama diadakan juga Pelancaran Buku Puisi Dunia: Puisi dalam Zaman Tidak Puitis yang memaparkan puisi-puisi yang dibacakan oleh kesemua 20 orang pemuisi jemputan.



Perasmian Malam Baca Puisi Dunia: Puisi dalam Zaman Tidak Puitis oleh YBrs. Cik Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya



Buku Puisi dalam Zaman Tidak Puitis.



YBrs. Cik Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia bergambar kenangan bersama-sama Sasterawan Negara dan pemuisi yang hadir

*Bahagian Pengurusan dan Sumber Manusia*



SHAIFUL AZLI BIN MAHAMAD NOR

*Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia*



NORHAYATI BINTI MANAN

*Bahagian Pembangunan Modal Insan*



WAN ROZANI BIN WAN IBRAHIM

*Bahagian Teknologi Maklumat*



NORAZWANA BINTI YUSOP



## PENGUIRUSAN PERPUSTAKAAN

*Bahagian Komunikasi Korporat*

*Perkhidmatan Korporat*



FADHILAH AINI BINTI MD YUSOF



CHARLES BIN BRILEE

*Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa*



MOHD AZMI BIN AZIZ

*Ketua Unit Integriti*



WAN YUHAIMISHAM BIN WAN YUSOFF

*Bahagian Gerakan Literasi Maklumat*



FATIMAH BINTI ABDUL HAI



## KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA



### BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia terdiri daripada empat (4) unit yang menjalankan empat (4) fungsi berikut; Pentadbiran, Perolehan dan Aset, Pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan

#### Unit Pentadbiran

Fungsi utama unit Pentadbiran adalah untuk merancang dan menguruskan pentadbiran Jabatan, mengurus penyelenggaraan dan pembaikan di Jabatan, sewaan kemudahan Jabatan, memantau keselamatan bangunan milik Jabatan, menyediakan

kemudahan pemandu dan kenderaan, serta urusan yang berkaitan, menguruskan fail dan rekod Jabatan, memantau kerja-kerja kebersihan di dalam dan di luar pejabat dan juga landskap.



#### **Penyenggaraan Bangunan**

Penyenggaraan bangunan dijalankan oleh syarikat Kejuruteraan Desir Emas Sdn. Bhd. dari 15 November 2017 hingga 14 November 2020. Kerja-kerja penyenggaraan bangunan meliputi semua kerja sivil, mekanikal dan elektrik. Sepanjang tahun 2019, Jabatan telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil bangunan, penyenggaraan lif dan bangunan dan kerja-kerja penambahbaikan kemudahan untuk kakitangan dan pengguna perpustakaan. Bagi perkhidmatan pembersihan dan penjagaan landskap pula dijalankan oleh Syarikat ZB I Tech Sdn. Bhd. mulai 1 Julai 2019 hingga 30 Jun 2021.



#### **Keselamatan Jabatan**

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia merupakan urus setia kepada Jawatankuasa Keselamatan Jabatan dan terdapat sembilan (9) jawatankuasa lain di bawahnya, iaitu:

- Jawatankuasa Bangunan dan Penyelenggaraan
- Jawatankuasa Keselamatan ICT
- Jawatankuasa Pertolongan Cemas
- Jawatankuasa Bertindak Kecemasan
- Jawatankuasa Penyelaras Bangunan Extra Space
- Jawatankuasa TASKA PNM
- Jawatankuasa Keselamatan Koleksi
- Jawatankuasa Penyelaras Bangunan Wisma Sejarah
- Jawatankuasa Kantin

Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api di PNM diuruskan oleh Syarikat Jati Force Sdn. Bhd. mulai 15 Mei 2019 hingga 14 Mei 2020 dengan pemantauan BKPSM.



## Unit Perolehan dan Aset

Sepanjang tahun 2019, Unit Perolehan dan Aset telah melaksanakan pelbagai urusan perolehan tetapi tidak terhad kepada perolehan Koleksi Bahan Bacaan, perkhidmatan berkaitan ICT, penyenggaraan, percetakan, program dan acara serta bahan bekalan pejabat.

Berikut merupakan nilai perolehan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 mengikut kaedah perolehan:

BIL	PEROLEHAN	BILANGAN	NILAI PEROLEHAN (RM)
1.	Tender	5	5,504,815.90
2.	Sebut harga	21	2,961,856.50
3.	Pembelian Terus	553	4,141,452.79
4.	Rundingan Terus Pangkalan Data, Bahan Nadir & Koleksi Peribadi, Manuskrip)	25	3,147,396.98
<b>JUMLAH</b>			<b>15,755,522.17</b>

## Unit Pengurusan Sumber Manusia

Unit Pengurusan Sumber Manusia dipertanggungjawabkan mengendalikan urusan personel dan perkhidmatan, pengurusan prestasi, memastikan kemajuan kerjaya, keperluan tenaga kerja dengan kemahiran dan penempatan yang betul selaras dengan objektif dan matlamat strategik organisasi. Unit ini juga bertanggungjawab merancang pembangunan organisasi untuk memastikan Jabatan mempunyai struktur organisasi yang sesuai, jumlah perjawatan yang mencukupi dan tersusun supaya menjadi sebuah organisasi yang cekap dan berkesan.

### Perjawatan PNM

Pada tahun 2019, PNM mempunyai sebanyak 516 perjawatan dalam pelbagai gred dan skim perkhidmatan termasuk perjawatan di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs) berikutan pengambilalihan khidmat pengurusan dan sumber manusia PPANPs di bawah Perpustakaan Negara Malaysia sejak 16 Mei 2010. Ringkasan kedudukan perjawatan di Ibu Pejabat PNM adalah seperti yang berikut:

BIL.	KATEGORI	BILANGAN		
		JAWATAN	ISI	KOSONG
1.	Pengurusan Tertinggi	2	2	0
2.	Pengurusan & Profesional	147	130	17
3.	Pelaksana	367	336	31
<b>JUMLAH</b>		<b>516</b>	<b>468</b>	<b>48</b>



Daripada keseluruhan perjawatan tersebut, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara merupakan Ketua Perkhidmatan kepada lima (5) Skim Perkhidmatan seperti yang berikut:

BIL.	JAWATAN	BIL. JAWATAN
1.	Pustakawan	138
2.	Penolong Pustakawan	51
3.	Pembantu Pustakawan	148
4.	Pembantu Operasi	64
5.	Pemandu	13
<b>JUMLAH</b>		<b>414</b>

Skim perkhidmatan yang lain pula merupakan jawatan kader dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Arkib Negara Malaysia (ANM), Jabatan Perangkaan Malaysia, dan Jabatan Penerangan Malaysia.

### Perjawatan Kader PNM

PNM juga mempunyai sejumlah perjawatan pelbagai gred di bawah Ketua Perkhidmatan PNM yang ditempatkan di agensi-agensi yang menggunakan skim perkhidmatan Pustakawan, Penolong Pustakawan dan Pembantu Pustakawan sebagai jawatan kader PNM seperti berikut:

BIL.	JAWATAN	BIL. JAWATAN
1.	Pustakawan	184
2.	Penolong Pustakawan	207
3.	Pembantu Pustakawan	953
<b>JUMLAH</b>		<b>1,344</b>

### Lantikan Baharu

Seramai 41 pegawai lantikan baharu 2019 yang terdiri daripada 23 orang Pembantu Pustakawan Gred S19, Penolong Pustakawan Gred S29 seramai 7 orang pegawai dan Pustakawan Gred S41 seramai 11 orang. Program orientasi pegawai lantikan baharu telah diadakan bertujuan untuk memberikan pengetahuan dalam bidang perpustakaan dan maklumat kerana semua mereka yang dilantik bukan daripada jurusan Sains Perpustakaan. Di samping itu mereka juga akan dinilai untuk kesesuaian penempatan. Program tersebut berkonsepkan taklimat dan lawatan ke bahagian-bahagian tertentu di PNM.

### Perpustakaan Desa PNM

Matlamat projek ini adalah untuk menggalakkan budaya membaca dalam dan masyarakat luar bandar serta membantu menangani jurang ilmu dan maklumat antara masyarakat bandar dengan luar bandar. Sejak ditubuhkan pada tahun 2005, kini terdapat sebanyak 507 buah Perpustakaan Desa seluruh negara. PNM telah diluluskan struktur perjawatan Perpustakaan Desa bertaraf *Contract of Service* seperti yang berikut:

GRED	JAWATAN	PENGISIAN	KOSONG
Penolong Pustakawan S29	128	127	1
Pembantu Pustakawan S19	512	440	72
Pembantu Operasi N11	512	385	127
<b>JUMLAH</b>	<b>1152</b>	<b>952</b>	<b>200</b>



### Perpustakaan Komuniti PNM

Pewujudan Perpustakaan Komuniti dengan berkonsepkan "Perpustakaan Untuk Anda" (*Library2U*) bertujuan untuk membolehkan masyarakat mengakses bahan-bahan bacaan dengan mudah. Perpustakaan Komuniti dapat menyokong pendidikan sepanjang hayat individu dan sendiri serta pendidikan tidak formal kepada semua peringkat pembaca khususnya masyarakat setempat. Perpustakaan ini juga akan menjadi pusat sehati untuk pembelajaran dan pertemuan sosial bagi masyarakat bandar pada waktu terluang atau sambil beriadah. Sehingga kini PNM telah diluluskan sebanyak 9 jawatan bertaraf *Contract of Service* pelbagai gred, iaitu Penolong

Pustakawan Gred S19 (1 jawatan), Pembantu Pustakawan Gred S19 (4 jawatan) dan Pembantu Operasi Gred N11 (4 jawatan) di lima (5) buah Perpustakaan Komuniti seperti yang berikut:

- (i) Perpustakaan Komuniti, AEON AU2, Setiawangsa (2011)
- (ii) Perpustakaan Komuniti, AEON Mahkota Cheras (2010)
- (iii) Perpustakaan Awam Bukit Damansara Kuala Lumpur (2013)
- (iv) Perpustakaan Komuniti UTC Keramat Mall (2014)
- (v) Perpustakaan Komuniti Radia, Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor (2019)

### Kenaikan Pangkat

Pada tahun 2019, urusan kenaikan pangkat turut dilaksanakan melibatkan skim-skim perkhidmatan di bawah Ketua Perkhidmatan, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara seperti yang berikut:

BIL.	JAWATAN	GRED		JUMLAH PEGAWAI	CATATAN
		DARI	KEPADA		
1.	Pustakawan	JUSA C	JUSA B	1	Memangku
		S54	JUSA B	1	Memangku
		S52	S54	2	1 Memangku
		S48	S52	1	
		S44	S48	8	
		S41	S44 (Fleksi - S41/S44)	29 18 (Memangku)	Pegawai yang telah berkhidmat 8 tahun ke atas. Memangku mengisi jawatan Fleksi S41/S44
2.	Penolong Pustakawan	S38	S40	1	
		S32	S38	4	
		S32	S38	7	TBK2
		S29	S32	3	
		S29	S32	9	TBK1
3.	Pembantu Pustakawan	S26	S28	1	
		S22	S26	2	
		S22	S26	4	TBK2
		S19	S22	26	TBK1
4.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	N32	1	Memangku
5.	Pembantu Tadbir	N19	N22	1	Memangku
		N19	N22	1	TBK 1
6.	Pembantu Khidmat Pelanggan	N19	N22	1	TBK 1



**Pertukaran dan Penempatan**

Mesyuarat Jawatankuasa Penempatan dan Pertukaran Jabatan telah dilaksanakan sebanyak satu (1) kali pada tahun 2019 melibatkan semua skim perkhidmatan di bawah bidang kuasa Ketua Perkhidmatan, PNM.

**Persaraan**

Pada tahun 2019, seramai 13 orang anggota PNM terlibat dalam urusan persaraan wajib dan persaraan pilihan seperti yang berikut:

BIL.	NAMA PESARA	JAWATAN/GRED	TARIKH PERSARAAN	JENIS PERSARAAN
1.	Sarinah binti Bonot Bahagian Penyerahan Terbitan Negara	Penolong Pustakawan Gred S32	01.02.2019	Pilihan
2.	Rosham bin Abdul Shukor Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat	Pustakawan Gred S54	22.04.2019	Wajib
3.	Mohd Kamal bin Shahuuddin Bahagian Pemuliharaan	Pembantu Pemuliharaan Gred S19	27.04.2019	Wajib
4.	Noridah binti Mohd Noor Pejabat Ketua Pengarah	Setiausaha Pejabat Gred N36	01.04.2019	Pilihan
5.	Syamala Devi A/P Pandian Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	05.06.2019	Wajib
6.	Nafisah binti Ahmad Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia	Pustakawan Gred Utama B	09.06.2019	Wajib
7.	Muslim bin Saadan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	Pemandu Kenderaan Gred H11	01.06.2019	Pilihan
8.	Husnita binti Husin Bahagian Perancangan Strategik dan Antrabangsa	Pustakawan Gred S44	01.08.2019	Pilihan
9.	Kamariah binti Abd Rashid Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa	Pembantu Pustakawan Gred S26	07.08.2019	Wajib
10.	Muhammad bin Musa Bahagian Pembangunan Modal Insan	Pustakawan Gred S48 (M)	23.08.2019	Wajib
11.	Mohd Noor bin Othman Pusat Penyerahan Terbitan Negara	Pembantu Pustakawan Gred S22	01.10.2019	Pilihan
12.	Zainal bin Ahmad Timbalan Pengarah Bahagian Pemuliharaan	Pustakawan Gred S48 (M)	04.10.2019	Wajib
13.	Ab Rahim bin Elias Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara	Pembantu Operasi Gred N11	19.11.2019	Wajib



**Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019**

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan penghargaan Kerajaan kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang dengan mutu dan penghasilan yang melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. PSM selaku urus setia

Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), PNM akan menguruskan mesyuarat tersebut pada setiap awal tahun bagi proses pemilihan calon APC Jabatan. Pada tahun 2019, seramai 37 orang anggota PNM telah dipilih sebagai penerima anugerah ini berdasarkan perkhidmatan cemerlang mereka sepanjang tahun 2019 seperti berikut:



BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN	GREK HAKIKI	BAHAGIAN/ SEKSYEN/ UNIT
1	Mohd Hafiz bin Zulkiffeli	Penolong Akauntan	W29	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
2	Nur Diyana binti Samsudin	Akauntan	WA41	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
3	Mohammad Yasridz bin Mohammad Yatim	Pen. Peg. Tadbir	N29	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
4	Nooraini Binti Abdullah	Pembantu Tadbir	N19	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
5	Ibnu Ridzwan bin Zulkupli	Pembantu Operasi	N11	Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa
6	Noraslini binti Abdul	Pembantu Pustakawan	S19	Bahagian Komunikasi Korporat
7	Zaiton binti Hassan	Pustakawan	S41	Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
8	Wan Rozaini bin Wan Ibrahim	Pustakawan	S48	Bahagian Pembangunan Modal Insan
9	Nur Azidah binti Azizan	Peg. Teknologi Maklumat	F44	Bahagian Teknologi Maklumat
10	Abd Rahman bin Sudin	Pustakawan	S54	Prasarana Ilmu dan Maklumat
11	Kamaruzzaman bin Soaid	Pustakawan	S41	Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa
12	Norhasliza binti Mohd Razali	Pustakawan	S44	Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan
13	Adam Zulkarnain bin Saleng	Pustakawan	S44	Bahagian Penyelidikan



BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN	GED HAKIKI	BAHAGIAN/ SEKSYEN/ UNIT
14	Mohd Hafi bin Mohd Hassan	Pembantu Tadbir Rendah	N14	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
15	Nuruljannah binti Lesen	Pembantu Pustakawan	S19	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
16	Yasmin binti Zulkepli	Pembantu Pustakawan Kanan	S22	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
17	Nurhaida binti Mohd Noh	Pembantu Pustakawan Kanan	S22	Pusat Bibliografi Negara
18	Mohd Khodri bin Ramli	Penolong Pustakawan	S29	Pusat Bibliografi Negara
19	Suhaizah binti Ali	Pembantu Tadbir Rendah	N14	Bahagian Pembinaan Koleksi
20	Nurdiana binti Azhar	Pembantu Pustakawan	S19	Bahagian Pembinaan Koleksi
21	Wan Salbiah binti Mohd Khalil	Pembantu Pustakawan Kanan	S26	Bahagian Pembinaan Koleksi
22	Azlan bin Md Ali	Pembantu Tadbir Rendah	N11	Bahagian Pembinaan Koleksi
23	Aizuddin bin Che Ahmad	Pembantu Pustakawan Kanan	S22	Bahagian Pemuliharaan
24	Muhamad Haris bin Ahmad Puzi	Pembantu Pustakawan	S19	Bahagian Pemuliharaan
25	Muhammad Shollahuddin bin Zakaria	Pembantu Tadbir Rendah	N11	Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
26	Mohd Izani bin Che Jaafar @ Mohd Zainal	Pustakawan	S44	Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
27	Siti Farhana binti Ismail	Pembantu Pustakawan	S19	Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
28	Laila binti Ibrahim	Pembantu Tadbir Rendah	N11	Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
29	Suriati binti Ein	Pustakawan	S44	Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu
30	Noor Hidayah binti Muhamad	Jurufotografi	B19	Bahagian Sumber Elektronik
31	Akmal Fardhiana binti Muhamad	Penolong Pustakawan	S29	Bahagian Pinjaman
32	Sarrah Noorema binti Sukri	Pembantu Pustakawan	S19	Bahagian Pinjaman
33	Rabiatun Ada'wiyah binti Abd Hamid	Pen. Akauntan	W29	Perpustakaan Negara Negeri Perlis
34	Saripah Suhaila binti Sultan	Pembantu Pustakawan	S19	Perpustakaan Negara Negeri Perlis
35	Wan Mohamad Fazali bin Mohd Salleh	Pustakawan	S48	Bahagian Kandungan Digital
36	Nor Shamsinar binti Baharom	Pustakawan	S41	Bahagian Pengurusan Projek Digital
37	Suhaida binti Mohamad	Pustakawan	S41	Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan





## UNIT INTEGRITI

Perpustakaan Negara Malaysia komited dalam memupuk serta menanamkan nilai integriti yang tinggi dalam kalangan kakitangannya. Pada tahun 2019, sebanyak empat inisiatif integriti telah dilaksanakan ke arah melahirkan warga Perpustakaan Negara Malaysia yang beintegriti tinggi.

**24**

Hebahan Info Integriti setiap dua (2) minggu kepada kakitangan.

**10**

Semakan Pematuhan peraturan dan tatacara perolehan bahagian.

Hebahan Mutiara Kata sebagai motivasi kepada kakitangan setiap dua (2) minggu.

**24**

Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) PNM.

**1**

### Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)

Perpustakaan Negara Malaysia menyokong penuh saranan kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas rasuah. Selaras dengan Pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 29 Januari 2019, Perpustakaan Negara Malaysia telah melaksanakan Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) pada peringkat Jabatan. Bengkel ini bertujuan untuk menyediakan input risiko rasuah PNM ke arah penyediaan Pelan Antirasuah PNM pada tahun 2020.





Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah dihadiri oleh peserta yang terdiri daripada 23 bahagian di PNM dan juga Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis



Peserta Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah Perpustakaan Negara Malaysia

## Semakan Pematuhan

Semakan pematuhan ialah sebahagian daripada pemeriksaan mengejut yang dijalankan oleh Unit Integriti bagi memastikan pegawai PNM mematuhi peraturan dan tatacara Pegawai Awam

yang sedang berkuat kuasa. Sepanjang tahun 2019, Unit Integriti telah menjalankan pemeriksaan terhadap 10 penerimaan perolehan yang melibatkan lapan bahagian berikut:

Bil.	Senarai Perolehan	Bahagian
1.	Perolehan bagi Keperluan Peralatan Latihan	Bahagian Pembangunan Modal Insan
2.	Perolehan bagi Bengkel Biblioterapi	
3.	Perolehan Folder Warta Kerajaan untuk Kegunaan Koleksi Negara	Pusat Penyerahan Terbitan Negara
4.	Perolehan Bahan-Bahan untuk Aktiviti	Bahagian Pinjaman
5.	Perolehan/Perkhidmatan Bahagian Pemuliharaan	Bahagian Pemuliharaan
6.	Perolehan Perkhidmatan bagi Program Karnival Intelktual@PNM Siri 1/2019	Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
7.	Perolehan Perkhidmatan bagi Program Bicara Harvard: A Strategy For Leading Innovation In Public Administration	
8.	Perolehan Perkhidmatan bagi Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Khusus Gunasama Kumpulan Pelaksana	Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan
9.	Perolehan Perkhidmatan bagi Program Wacana Manuskrip Melayu Bil.3/2019 Silat Hang Tuah	Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu
10.	Perolehan Perkhidmatan bagi Sambutan Hari Literasi Sedunia 2019 Peringkat Perpustakaan Negara Malaysia	Bahagian Gerakan Literasi Maklumat

Hasil semakan mendapati semua perolehan perkhidmatan diterima mengikut spesifikasi yang dipohon.





## PERKHIDMATAN KORPORAT



### BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

#### Pelan Strategik

Pelan Strategik PNM 2019–2023 ialah dokumen rujukan utama yang menentukan hala tuju dan fokus PNM bagi tempoh lima tahun. Ia menjadi panduan dalam penetapan petunjuk prestasi utama (KPI), piagam pelanggan, objektif kualiti dan sasaran kerja tahunan.

Pelan ini menggariskan enam teras strategik, 22 strategi dan 61 program ini disejajarkan dasar dan polisi semasa negara seperti Rancangan Malaysia Ke-11 dan Rancangan Malaysia Ke-12, Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) 2021–2030, Dasar Buku Negara, Dasar Kebudayaan Negara 2020–2030 dan Dasar Pelancongan

Negara (DPN) 2020–2030 serta piawai antarabangsa iaitu IFLA *Trend Report 2018 Update* dan *Sustainable Development Goals 2030*. Permukiman bagi penyediaan pelan ini telah diadakan pada 8–10 Februari 2019 di RHR Hotel, UNITEN Bangi dengan bimbingan pihak MAMPU. Bagi menilai pencapaian strategi dan program bagi tahun 2019, satu sesi permukiman telah diadakan pada 19–20 November 2019.

Pencapaian Pelan Strategik PNM 2019–2023 bagi tahun 2019 ialah 81%.



Buku Pelan Strategik PNM 2019-2023





Mesyuarat Plan Strategik di RHR Hotel, Uniten Bangi

### Mesyuarat-Mesyuarat Utama Jabatan

BIL	NAMA MESYUARAT	KPI Tahunan
1.	Mesyuarat Pengurusan	10 kali
2.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)	Satu kali
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana MS ISO 9001:2008	Dua kali
4.	Mesyuarat Akta dan Dasar	Dua Kali

### Mesyuarat Persidangan Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Universiti (PERPUN)

Mesyuarat PERPUN diadakan 2 kali setahun dan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah PNM yang dianggotai oleh Ketua-ketua Pustakawan Universiti Awam dan IPTS telah diadakan di Bilik Mesyuarat Lembaga PNM pada 14 Mei 2019 dan 23 September 2019.



Ketua Pengarah PNM beramah mesra dengan Ketua-ketua Pustakawan Universiti Awam dan IPTS



Mesyuarat dipengerusikan oleh Ketua Pengarah PNM



Antara ahli mesyuarat yang hadir



## Lembaga Penasihat

Lembaga Penasihat PNM ditubuhkan di bawah Seksyen 5 dan 6, Akta Perpustakaan Negara 1972 (mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2016). Ia berfungsi untuk menasihati Ketua Pengarah PNM dalam hal ehwal kemajuan perpustakaan.

Keanggotaannya terdiri daripada seorang Pengerusi dan tujuh orang anggota lain yang dilantik oleh Menteri. Ketua Setiausaha MOTAC bertindak sebagai ex-officio dan Ketua Pengarah PNM sebagai Setiausaha Lembaga.

Pada tahun 2019, Mesyuarat Lembaga Penasihat PNM diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 16 Mei 2019 di Bilik Mesyuarat Lembaga PNM dan 20 Oktober 2019 di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur.

*Datuk Adeline Leong  
mempengerusikan Mesyuarat  
Lembaga Penasihat PNM  
Bil.2/2019*



*Ahli Lembaga Penasihat PNM bergambar kenangan semasa Mesyuarat Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia Bil.2/2019*

## Urusan Parlimen

Pada tahun 2019, PNM menerima sebanyak 12 pertanyaan Parlimen iaitu 8 pertanyaan Dewan Rakyat dan 4 pertanyaan Dewan Negara tentang program galakan membaca, pembudayaan tulisan Jawi, pembangunan perpustakaan desa,

perpustakaan digital, industri buku, Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia (KLWBC) 2020 dan pemeliharaan khazanah warisan intelek (manuskrip Melayu).



## Pertanyaan Parlimen Untuk Perpustakaan Negara Malaysia Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas, Tahun 2019

DEWAN RAKYAT			DEWAN NEGARA		
MESYUARAT	PERTANYAAN / INPUT		MESYUARAT	PERTANYAAN / INPUT	
	JAWAB LISAN	BUKAN JAWAB LISAN		JAWAB LISAN	BUKAN JAWAB LISAN
PERTAMA (11 MAC - 11 APRIL 2019)	2	0	PERTAMA (22 APRIL - 9 MEI 2019)	1	0
KEDUA (1 - 18 JULAI 2019)	1	0	KEDUA (22 - 31 JULAI 2019)	2	0
KETIGA (7 OKTOBER -5 DISEMBER 2019)	5	0	KETIGA (7 OKTOBER -5 DISEMBER 2019)	1	0
<b>JUMLAH</b>	<b>8</b>	<b>0</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>0</b>

## Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Konvensyen KIK peringkat Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) 2019 telah diadakan pada 10 September 2019 di Auditorium PNM. Sebanyak empat projek telah terpilih untuk dipertandingkan dalam konvensyen ini berdasarkan pemilihan dan penyelesaian masalah yang terbaik. Objektif konvensyen ini adalah untuk:

- (i) Melahirkan satu kumpulan KIK yang kreatif dan produktif serta terbaik untuk mewakili Jabatan;
- (ii) Menjana pemikiran kreatif dan kritis untuk menyelesaikan permasalahan dalam kerja seharian; dan
- (iii) Memberi pendedahan dan pengalaman kepada kakitangan menyertai Konvensyen KIK peringkat Jabatan, Kementerian dan Kebangsaan.

PEMENANG	NAMA KUMPULAN	PROJEK	BAHAGIAN	HADIAH
Johan	IStat	Eclipse ( <i>Electronic Library Statistic</i> )	Prasarana Ilmu dan Maklumat <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa (BPPD)</li> <li>• Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP)</li> <li>• Bahagian Penyelidikan Perpustakaan (BPP)</li> <li>• Bahagian Gerakan Literasi Maklumat (BGLM)</li> </ul>	RM1,000.00 Sijil Penyertaan
Naib Johan	CreatiEvo	Proses permohonan pengkatalogan dalam penerbitan (BDP)	Pusat Bibliografi Negara (PBN)	RM600.00 Sijil Penyertaan

PEMENANG	NAMA KUMPULAN	PROJEK	BAHAGIAN	HADIAH
Tempat Ke-Tiga	Pesona Bintang	Tag@Shelf	Bahagian Pinjaman (BPjm)	RM400.00 Sijil Penyertaan
Tempat Ke-Empat	Optimis	Penambahbaikan sistem penyusunan dan dapatan semula bahan terbitan bersiri koleksi negara	Pusat Penyerahan Terbitan Negara (PPTN)	Sijil Penyertaan



Penyampaian Hadiah kepada para pemenang



Penyampaian cenderahati kepada juri



Ucapan perasmian oleh Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia



Kumpulan IStat dinobatkan sebagai johan

## Persidangan Antarabangsa

### 18th Congress of South East Asian Librarians (CONSAL)

Kongres ini telah diadakan pada 21 - 22 Jun 2019 di Phnom Penh, Cambodia dan dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah PNM.

### 27th Conference of Directors of National Libraries in Asia Oceania (CDNLAO)

Ketua Pengarah bersama pegawai pengiring, Puan Beghum Ulfhat Shehnaaz Amir Razali telah hadir ke Persidangan Ketua-ketua Pengarah Perpustakaan Negara Rantau Asia Oceania pada 21 Februari 2019 di Singapura.

### 85rd IFLA World Library and Information Congress (IFLA WLIC 2019)

Persidangan tahunan terbesar bagi profesion pustakawan pada 24 - 30 Ogos 2019 di Athens, Greece ini dihadiri Ketua Pengarah PNM dan diiringi oleh Puan Aidatul Hasnida Abdul Rani dan Puan Anis Omar.



## ❁ Lawatan dan Program/Aktiviti PNM dengan Kedutaan Asing dan Badan Antarabangsa Tahun 2019

Sepanjang tahun 2019, PNM telah menerima lawatan dan mengadakan program/aktiviti dengan kedutaan asing dan badan antarabangsa seperti berikut:

BIL	NEGARA/NAMA PROGRAM	TARIKH
1.	Fujitsu Ltd, Japan	7 Januari 2019
2.	Embassy of Peru in Malaysia	12 Februari 2019
3.	National Library of Philippines	25 Februari 2019
4.	Embassy of the Sultanate of Oman	8 Mac 2019
5.	Qatari Delegation	19 Mac 2019
6.	Translation Team for Embassy of the Sultanate of Oman	21 Mac 2019
7.	Al-Madinah International University & King Abdulaziz National Library	15 April 2019
8.	Pusat Pendidikan dan Pelatihan Kementerian Luar Negeri Indonesia	24 Julai 2019
9.	Universitas Muhammadiyah Palembang	2 Ogos 2019
10.	University of Darussalam Gontor	13 September 2019
11.	China National Publications Import & Export (Group) Corporation (CNPIEC)	20 November 2019
12.	Library and Archival Board of Lampung Province	3 Disember 2019



*Kunjungan Hormat dari Kedutaan Peru di Malaysia*



*Kunjungan Hormat dari kedutaan Oman di Malaysia*



*Kunjungan Hormat dari Al-Madinah International University & King Abdul Aziz National Library*



*Kunjungan Hormat dari China National Publications Import & Export (Group) Corporation (CNPIEC)*



## BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

### Keahlian PNM

Sepanjang tahun 2019, PNM telah menerima dan memproses keahlian baru seramai 16,598 orang. Jumlah keahlian kumulatif PNM sehingga 31 Disember 2019 adalah seramai 1,331,295 orang. Pada tahun 2019, Unit Keahlian, Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) turut memperkenalkan konsep *Library Attack* bagi mempergiat kempen keahlian sedia ada menerusi elemen promosi perkhidmatan dan galakan membaca. Konsep yang diperkenalkan ini adalah sejajar dengan usaha

menarik minat komuniti untuk mendaftar sebagai ahli PNM serta menggunakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di PNM termasuk Perpustakaan Komuniti PNM. Pada tahun 2019, sebanyak 47 kempen keahlian berjaya dilaksanakan dan enam (6) siri program *Library Attack* diperkenalkan melibatkan SMK Keramat Wangsa, SMK (P) Jalan Ipoh, Kolej Vokasional Tingkatan 6 Pudu Jaya, SK Sri Nilam, SK Taman Maluri dan MRSM Tun Ghazalie Shafie, Pahang.



Sesi *Library Attack* di beberapa buah sekolah pada tahun 2019



## Maklum Balas Pelanggan

Sebanyak 61 maklum balas telah diterima bagi tahun 2019. Kategori maklum balas adalah seperti berikut:



Analisa bagi tahun 2019 menunjukkan bahawa terdapat penurunan maklum balas sebanyak 2.4% berbanding tahun sebelumnya. Trend aduan pula didapati meningkat sebanyak 5.9% bagi tahun semasa berbanding tahun 2018. Berdasarkan

61 maklum balas yang diterima sepanjang Januari-Disember 2019, 100% maklum balas telah diambil tindakan dan diberi jawapan maklum balas berdasarkan objektif kualiti yang telah ditetapkan Jabatan.

## Publisiti dan Promosi Aktiviti Jabatan

Sebanyak 133 liputan daripada media massa dan media elektronik. Selain itu juga sebanyak 117 artikel telah disiarkan di dalam media cetak dan media atas talian mengenai program/aktiviti dan perkhidmatan PNM. Antara media yang membuat liputan adalah Utusan Malaysia, Berita Harian, Sinar Harian, BERNAMA, Astro Awani Online.

## Lawatan

Sepanjang tahun 2019, PNM telah menerima sebanyak 77 lawatan dari pelawat dalam Negara dengan seramai 3445 orang pelawat. Pelawat terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, agensi swasta, institusi pengajian awam/swasta, sekolah dan orang awam.

## Pameran


Pameran merupakan wadah penyampaian maklumat perkhidmatan dan koleksi PNM kepada pengunjung. Bagi tahun 2019, sebanyak 48 pameran telah diadakan di dalam dan luar jabatan. PNM juga telah mewujudkan pameran maya yang membolehkan pengguna merujuk pameran tersebut melalui portal PNM.

## Penerbitan

Penerbitan merupakan salah satu inisiatif yang dijalankan oleh PNM dalam usaha menyebarkan maklumat kepada masyarakat. Sembilan (9) penerbitan telah diterbitkan dalam bentuk bercetak dan sebelas (11) penerbitan diterbitkan secara dalam talian.



Seksologi Ilmu Perkasihan Melayu



Kitab Tib Ilmu Perubatan Melayu



## BAHAGIAN GERAKAN LITERASI MAKLUMAT

### PROGRAM GALAKAN MEMBACA

Seiring dengan misi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) iaitu menjadi penggerak utama memupuk budaya membaca rakyat Malaysia, PNM sebagai urus setia Kempen Membaca Peringkat Kebangsaan telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti Galakan Membaca pada tahun 2019. Pelaksanaan

aktiviti dan program ini merupakan hasil jalinan dan kerjasama yang diadakan secara terus dengan pelbagai pihak seperti Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Khusus Gunasama, Perpustakaan Desa, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Badan Berkanun serta badan-badan bukan Kerajaan.

### Fiesta Merdeka Pintar Kreatif Tabika Perpaduan Daerah Gombak 2019

Program Fiesta Merdeka Pintar Kreatif telah diadakan pada 22 Ogos 2019 bertempat di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional (JPNIN) Daerah Gombak dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia dan dirasmikan oleh Encik Abdul Rahman bin Sudin, Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat.

Pelaksanaan program bertujuan untuk mencungkil bakat kanak-kanak Tabika Perpaduan Gombak dalam beberapa pertandingan yang dianjurkan bersempena dengan sambutan

Bulan Kebangsaan Negara. Selain Program Fiesta Merdeka Pintar Kreatif, PNM turut mengadakan Bengkel Literasi Media dan Maklumat (LMM) kepada peserta dari kalangan Kawasan Rukun Tetangga dan kakitangan JPNIN.

Seramai 507 orang telah menghadiri majlis ini. Jemputan program adalah Kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia, pengurusan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Selangor, Jabatan Perpaduan Daerah Gombak, Guru-guru Tabika Perpaduan Daerah Gombak, anak-anak Tabika Perpaduan Daerah Gombak dan ibu-bapa.



Pameran Inovasi Kanak-kanak Tabika Perpaduan



Persembahan oleh Kanak-kanak Tabika Perpaduan



Penyampaian Hadiah kepada Pemenang Pertandingan





*Pertandingan Bakat Kanak-kanak Tabika Perpaduan*



## Karnival Semarak Jawi 2019

Karnival Semarak Jawi merupakan program utama/teras Pembudayaan Tulisan Jawi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) semenjak tahun 2011 apabila buat pertama kalinya Karnival Semarak Jawi@PNM diadakan pada 5 - 8 Disember 2011 bersempena Persidangan Kebangsaan Tulisan Jawi Kali Kedua anjuran PNM dan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.

Pada tahun 2019, Karnival Semarak Jawi telah diadakan pada 16 - 17 November 2019 bertempat di Pustaka Negeri Sarawak. Karnival ini dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia bersama Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS).

Karnival ini turut mendapat sokongan daripada *Sarawak Islamic Information Centre (SIIC)*, Rumah Ngaji dan Lembaga Tabung Haji yang berkonsepkan didik hibur dan berbentuk interaktif merangkumi pertandingan berasaskan tulisan Jawi, kuiz, aktiviti berkumpulan, pameran di samping gerai-gerai jualan bagi tarikan para pengunjung.

Majlis Perasmian telah diadakan pada 16 November 2019 (Sabtu) bertempat di Auditorium Pustaka Negeri Sarawak dan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Misnu bin Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak. Secara keseluruhannya, seramai 4,036 pengunjung dan peserta telah menyertai karnival ini yang terdiri daripada orang awam, pelajar sekolah dan penggiat Jawi/khat.



Penyampaian cenderahati kepada YBhg. Dato' Haji Misnu bin Haji Taha



Ucapan alu-aluan oleh YBrs. Puan Siti Aishah Sheikh Ab. Kadir, Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia



Program Karnival Semarak Jawi 2019 dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Misnu bin Haji Taha Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak



## Program Generasiku : Ilmu Untuk Semua@Genius

Program Bersama Golongan Berkeperluan Khas ini dikenali sebagai Program GENIUS iaitu singkatan bagi "Generasiku: Ilmu Untuk Semua" dengan tema 'Setitik Ilmu, Sejuta Harapan' telah diadakan pada 23 Mac 2019 (Sabtu) bertempat di Perpustakaan Negara Malaysia. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Maizan binti Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Pengisian aktiviti adalah seperti berikut iaitu:

- i. Genius LMM & Hands on Perkhidmatan u-Pustaka
- ii. Bengkel Mewarna
- iii. Sesi Mari Membaca Bersama YSS
- iv. Book Author Activity
- v. Pameran Perkhidmatan u-Pustaka
- vi. Sukaneka
- vii. Persembahan Bicara Berirama "My School" oleh anak-anak Buku Jalanan Chow Kit
- viii. Persembahan Buskers "Kisah antara kita" oleh Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Chow Kit
- ix. Bicara Berirama "Kehidupan kami di RISE" oleh anak-anak Pusat Bimbingan Alternatif Rohingya Intellectual Skill and Excellence (RISE)
- x. K-Pop Dance oleh anak-anak Pusat Aktiviti Kanak-kanak, Yayasan Chow Kit



Perasmian oleh YBrs. Puan Maizan Ismail, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

Program ini merupakan anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Yayasan Chowkit (YCK), Buku Jalanan Chowkit (BJCK), Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK), Chowkit, Rohingya Intellectual Skill of Excellence (RISE), Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMML), Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Guru Muda Malaysia Kuala Lumpur (GMMKL) dan Pustaka Jalanan. Seramai 332 orang peserta telah menyertai program ini.



Sesi Bergambar Beramai-ramai Semua Tetamu yang Hadir dan Peserta



Penyampaian Sumbangan Buku oleh Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia





Persembahan Bicara Berirama 'My School' oleh Anak-anak Buku Jalanan Chow Kit



Persembahan Bicara Berirama 'Kehidupan Kami Di RISE' oleh Anak-anak Pusat Bimbingan Alternatif Rohingya Intellectual Skill of Excellence (RISE)



Persembahan Busker 'Kisah Antara Kita' oleh Pelajar Sekolah Bimbingan Jaliran Kasih



Persembahan Busker 'K-Pop Dance' oleh Anak-anak Pusat Aktiviti Kanak-kanak, Yayasan Chow Kit




Stream Fun Learning Bersama UTM Kuala Lumpur



Membaca Bersama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)



Bengkel Mewarna Bersama Encik Nor Azhar Ishak





*Penutup Program Diisi dengan Acara Sukaneka yang Dijayakan  
Bersama oleh Kelab Perpustakaan Negara*



## Kembara Ilmu 2019

Program Kembara Ilmu 2019 telah dilaksanakan pada 29 September 2019 di empat lokasi terpilih iaitu Perpustakaan Negara Malaysia, Muzium Negara, KL City Gallery dan Balai Seni Negara. Ia merupakan program keilmuan yang diadakan bertujuan untuk mempromosi budaya membaca walau di mana jua berada dan memperkenalkan tempat-tempat menarik dan bersejarah di sekitar Kuala Lumpur.

Program ini juga merupakan salah satu pengisian program yang dirancang bawah Dekad Membaca Kebangsaan dan Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020 dan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Muzium Negara, Balai Seni Negara dan KL City Gallery. Seramai 140 orang peserta telah menyertai program ini yang merupakan gabungan pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Sekolah Berasrama Penuh seperti berikut:

- i. Universiti Pertahanan Awam Nasional (UPNM)
- ii. Universiti Malaya (UM)
- iii. Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Bangi
- iv. Kolej Komuniti Kuala Langat
- v. Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SPBI) Gombak
- vi. Sekolah Menengah Sains Alam Shah
- vii. Sekolah Sains Seri Puteri



Majlis penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Puan Fadhilah Aini Md Yusof, bertempat di Bilik Serbaguna,

Anjung Bestari Perpustakaan Negara Malaysia. Tempat Pertama telah dimenangi kumpulan pelajar dari Universiti Malaya (UM)

### DESTINASI 1

Para Peserta Menyelesaikan Tugasan di Muzium Negara



## DESTINASI 2

Para Peserta Menyelesaikan Tugas di KL City Gallery



## DESTINASI 3

Para Peserta Menyelesaikan Tugas di Balai Seni Negara



## DESTINASI 4

Para Peserta Menyelesaikan Tugas Terakhir di Perpustakaan Negara Malaysia





Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah kepada Pemenang



## Sambutan Hari Literasi Sedunia 2019 Peringkat Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

Hari Literasi Sedunia disambut pada 8 September setiap tahun dengan mengangkat tema 'Literasi dan Kepelbagaian Bahasa', Sambutan Hari Literasi Sedunia 2019 telah diadakan bagi meraikan perkembangan literasi rakyat Malaysia. Program ini juga merupakan salah satu pengisian program yang dirancang bawah Dekad Membaca Kebangsaan dan Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020. Sempena hari tersebut, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mengadakan Sambutan Hari Literasi Sedunia 2019 Peringkat PNM yang telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Maizan binti Ismail, Ketua Pengarah PNM pada 26 Oktober 2019 di PNM. Turut hadir dalam adalah YBhg. Dato' Mah Hassan Omar, Presiden Persatuan Braille Malaysia. Dalam Majlis Perasmian yang diadakan di Auditorium PNM dan dihadiri lebih seramai 368 orang, YBrs. Puan Maizan binti Ismail turut menyumbangkan bahan bacaan kepada 6 Institusi iaitu:

- Sekolah Kebangsaan Sungai Pusu, Gombak (Komuniti Orang Asli)
- Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil Malaysia
- Genius Kurnia (Anak-anak Autisme)
- Darul Hidayah (Komuniti Muafaf)
- Persatuan Ibu Tunggal Belaian Kasih
- Rumah Kebajikan dan Anak Yatim Darul Najjah

Aktiviti yang diadakan dalam sambutan Hari Literasi Sedunia 2019 ini termasuklah Diskusi "Celik Huruf, Kenal Dunia", Pameran dan Jualan Buku, Demo Baca Pantas, Syoknya Jawi, Pameran Literasi Media dan Maklumat, Bersama Doktor Buku serta Ceramah "Celik Digital".



Penyampaian Sumbangan Bahan Bacaan oleh Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia



Celik Bahasa Kebangsaan Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka



Persembahan Lagu Membaca Gaya Wawasan oleh Guru Muda Malaysia Kuala Lumpur (GMMKL)



Aktiviti Gali Kata Jawi



Jualan Buku



iPad Showcase oleh Sekolah Berasrama Penuh Intergrasi, Gombak



Membaca dan Mewarna oleh Anak-anak Tabika KEMAS Dengan Bimbingan  
Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)




Sesi Literasi Media dan Maklumat



Ceramah Celik Digital oleh Encik Ridzwan Ahmad, Eksekutif  
Komunikasi Korporat Cyber Security Malaysia.



 WORLD #QuranHour


Program WORLD #QuranHour telah diadakan secara serentak di seluruh negara pada 30 Mei 2019 dengan kerjasama semua Perpustakaan Awam Negeri dan berkonsepkan membaca al-Quran, mendalami maksudnya dan bertadabbur. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Muhammad Bakhtiar Wan Chik Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Pengisian program dibahagikan kepada 3 segmen. Segmen I diisi dengan 'Santapan Rohani'

berkaitan topik budaya membaca dan al-Quran yang disampaikan oleh YBrs. Ustaz Dr. Farid Ravi Abdullah dan sesi Tadabbur al-Quran oleh Ustaz Ahmad Rijal bin Ghazali, Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM. Kandungan taddabur al-Quran memfokuskan kepada Surah Al-Hujurat (Pembentukan Akhlak dan Adab) ayat 6-8 'Memastikan Kebenaran Khabar Berita'.

Segmen II pula diisi dengan Sesi Taddarus al-Quran (Satu Jam Bersama al-Quran : WORLD #QuranHour) yang dipimpin oleh Ustaz Ahmad Rijal bin Ghazali, Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM. Klinik al-Fatihah dipimpin oleh Ustaz Muhd Redza bin Ahmad, Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM dan Ceramah bertajuk "Ramadan Bazar Pahala" pula disampaikan oleh wakil daripada Ibnu Katsir. Persembahan Nasyid bagi program ini disampaikan oleh penceramah bebas, Akhil Hayy.

Bagi segmen III pula antara aktiviti adalah Kuliah Ihya Ramadan Ustaz oleh Nursyamsul Abd. Roni dari Masjid Negara Malaysia. Manakala bacaan ayat-ayat Suci al-Quran, Solat Maghrib, Isyak dan Solat Sunat Tarawih secara berjemaah dipimpin oleh Ustaz Nursyamsul Abd. Roni dari Masjid Negara Malaysia. Seramai 290 orang telah menjayakan program World #QuranHour 2019. Peserta terdiri daripada kakitangan PNM, anak-anak dari pusat tahfiz dan rumah kebajikan anak yatim serta pengunjung PNM.



Perasmian oleh YB. Tuan Muhammad Bakhtiar Wan Cik, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia



Penyampaian Sumbangan kepada Kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia



Persembahan Nasyid Disampaikan oleh Penceramah Bebas, Akhil Hayy



Sesi Tadabbur al-Quran oleh Ustaz Ahmad Rijal bin Ghazali, Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM



Penyampaian Sumbangan kepada Anak Yatim



Sesi Taddarus al-Quran (Satu Jam Bersama al-Quran : WORLD #QuranHour) Ahmad Rijal bin Ghazali, Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM



Kuliah Ihya Ramadan Ustaz oleh Nursyamsul Abd. Roni dari Masjid Negara Malaysia



Klinik al-Fatihah Dipimpin oleh Ustaz Muhd Redza bin Ahmad, Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM



Majlis Berbuka Puasa



## Program Galakan Membaca 2019

Program "Jom Baca Bersama 10 Minit" Peringkat Kebangsaan 2019 telah diadakan pada 23 April 2019 di Dewan Perdana, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) Kuala Lumpur. Program ini diadakan serentak di seluruh negara sempena sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia. Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Majlis bermula dengan sesi 'Bacaan Kegemaran Saya' oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, diikuti sesi Jom Baca Bersama 10 Minit, persembahan Bicara Berirama, Sekolah Menengah Kebangsaan Kiara Mas, Kuala Lumpur dan Persembahan Sajak oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin.

Pelbagai aktiviti dan pameran telah diadakan sebagai pengisian program iaitu:

- Majlis Perasmian
- Jom Baca Bersama 10 Minit (Let's Read Together)
- Sesi Bacaan Kegemaran Saya
- Program Buku Dekat Padamu : 'Jom Ambil Bahan Bacaan' (MITI)
- Roda Ilmu
- Eksplorasi Buku-buku Augmented Reality
- Seronoknya Jawi
- e-Storytelling
- Tukar dan Baca
- Jari Jemari Kreatif (The Malaysian Board on Books for Young People)
- Persembahan Kumpulan Bercerita Bayan & Tayangan Rakaman Pertunjukan Boneka Balung dan Jati
- Aktiviti Riang Ria Mewarna Bersama Kelab NURI
- Pendaftaran u-Pustaka
- Demonstrasi Doktor Buku
- Pameran dan Kuiz Rare to Care
- Pameran dan Aktiviti Membaca Manuskrip Melayu
- Pameran Pusat Rujukan Persuratan Melayu (DBP)
- Seronoknya Sains! – Pusat Sains Negara
- Demonstrasi Mewarna (Balai Seni Negara)
- Demonstrasi Seni Khat – Penggiat Seni Khat
- Jualan Buku

Seramai 1,214 orang peserta telah turut serta menjayakan program ini. Penyertan terdiri daripada golongan pelajar pusat pengajian tinggi awam dan swasta, pelajar sekolah menengah dan rendah, pelajar tabika dan penjawat awam.



Perasmian oleh YBhg. Datuk Isham, KSU Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia



Ucapan Aluan oleh YBhg. Dato' Lokman Hakim Ali, KSU Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri



Perasmian Jom Baca Bersama 10 Minit





Bacaan Kegemaran saya oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, KSU Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia



Sesi Baca Bersama 10 Minit oleh Para Peserta



Deklamasi Sajak oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin



Persembahan Flashmob oleh Pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam



Penyampaian Anugerah dan Penghargaan kepada Pusat Sumber Paling Aktif Kategori Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah



Penyampaian Hadiah Pengguna Paling Aktif Peringkat Perpustakaan Negara Malaysia

Persembahan Boneka oleh Kumpulan Ber cerita Bayan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)





## BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI) bertanggungjawab dalam mengendalikan program pembangunan modal insan yang merangkumi kursus, bengkel, ceramah, seminar dan peperiksaan bagi meningkatkan kompetensi diri, kerjaya dan kecemerlangan pemilik kompetensi. Selain dirangka khusus untuk warga Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia,

program yang dirancang juga terbuka kepada anggota Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan, Badan Berkanun, Badan Bukan kerajaan dan Sektor swasta. BPMI juga sedia memberikan bantuan kepada mana-mana institusi yang bercadang untuk menjalin kerjasama dari aspek latihan dan penempatan kakitangan di PNM.

### Pelaksanaan Program Latihan

Pada tahun 2019, BPMI telah melaksanakan program latihan yang melibatkan seramai 1563 orang peserta mengikut pecahan seperti yang berikut:



### Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia (PTPM) 2019

Jabatan telah menghantar seramai 62 orang peserta ke Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia (PTPM) ini pada 25 - 26 Mac 2019 bertempat di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, Kementerian Kerja Raya Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur. Para peserta telah dapat berkongsi dan menyalurkan maklumat terkini, idea dan inovasi dalam bidang

perpustakaan dan pengurusan maklumat daripada pelbagai bidang kepakaran pustakawan dari seluruh Malaysia yang menghadiri persidangan ini. Persidangan ini juga menjadi platform untuk membangun dan menggubal dasar-dasar serta berkongsi amalan terbaik dalam bidang perpustakaan dan pengurusan maklumat dari institusi berkaitan.



Para Peserta PTPM 2019 Mendaftar di Kaunter Pendaftaran



Peserta PTPM 2019 Bersidang di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid



## Kursus Team Building bagi Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan Kumpulan Pelaksana Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

Setelah hampir 10 tahun Jabatan tidak menganjurkan kursus yang seumpamanya, tahun 2019 menjadi pencetus kepada pembinaan modal insan yang lebih mapan dengan penganjuran Kursus *Team Building* ini yang telah diadakan di Pulau Pangkor, Perak pada 10 hingga 12 November 2019. Seramai 35 orang kakitangan PNM telah menghadiri kursus ini. Antara objektif

utamanya termasuklah memahami bagaimana personaliti, jantina dan budaya mempengaruhi pemikiran, emosi dan stail pembelajaran dalam menyuburkan sifat ihsan dan membantu mereka membangkitkan semangat yakin diri serta kegembiraan sepanjang masa bekerja di Jabatan ini.



Sebahagian daripada peserta kursus



Peserta kursus bersedia sedia dibawa menaiki bot bagi mengikuti aktiviti snorkeling

BPML juga bertanggungjawab mengurus kakitangan PNM bagi urusan ke luar negara untuk urusan rasmi seperti yang berikut:

BIL	TARIKH	PROGRAM
1.	20-22 Februari 2019	Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania (CDNLAO) : Meeting and the Silk Road International Forum for Libraries, Singapore - Dato' Nafisah Ahmad - Puan Beghum Ulfhat Shehnaz Amir Razli
2.	20-23 Jun 2019	Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL) 18th Executive Board, Phnom Penh, Cambodia - Puan Siti Aishah Sheikh Ab. Kadir
3.	23-31 Ogos 2019	International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) World Library and Information Congress (WLIC) 2019, Athens Greece - Pn Maizan Ismail - Pn. Aidatul Hasnida Abdul Rani - Pn. Anis Omar
4.	21-27 September 2019	Lawatan ke Perpustakaan Awam di Beijing dan Tianjin, China - Pn Norazwana Yusof - Pn Zalina Abdul Rahim
5.	4-9 November 2019	ASEAN –ROK Library Leadership Conference On Reading Promotion, Seoul Korea - Pn. Fatimah Abdul Hai
6.	18-23 November 2019	Annual National Congress, Philippine Librarians Association Inc. (PLAI), Philippine - En. Ali Rashid - En. Hishamudin Ramli
7.	20-30 November 2019	2019 Southeast Asian Librarians Seminar, Beijing China - En. Wan Fazali Mohd Salleh - En. Muhammad Redzuan Ramli



*Prasarana Ilmu dan  
Maklumat*



ABD RAHMAN BIN  
SUDIN

*Bahagian  
Pembangunan dan  
Perpustakaan Desa*



KOSONG

*Bahagian  
Pembangunan dan  
Perpustakaan Desa*




RAMZY BIN MAT TAHA

*Bahagian  
Penyelidikan*




RUZILAH BINTI EHSAN

*Bahagian Khidmat  
Nasihat dan  
Perundingan*



KOSONG



# PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN

*Pembangunan Koleksi*



EDY IRWAN BIN  
ZULKAFLI

*Pusat Bibliografi  
Negara*



ANISATUL WAHIDAH  
BINTI ABDUL WAHID

*Pusat Penyerahan  
Terbitan Negara*



NASIMAH BINTI  
BADARUDDIN

*Bahagian Pembinaan  
Koleksi*



SUHAILA BINTI ABD  
RAHMAN

*Bahagian  
Pemuliharaan*




ZAINAL BIN AHMAD



# PRASARANA ILMU DAN MAKLUMAT



## BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN DESA



## Projek Pembangunan

Perpustakaan Negara Malaysia telah mendapat sebanyak dua projek bawah RMKe-11 (1 Fizikal dan 1 bukan Fizikal) dan satu Projek Sambungan RMKe-10. Projek-projek tersebut adalah seperti yang berikut:

### (A) Projek Fizikal

#### (i) Projek Pembangunan Perpustakaan Bawah RMKe-11

NAMA PROJEK	PRESTASI FIZIKAL	TARIKH DIJANGKA SIAP
Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan Negara	8%	30 Ogos 2021




#### (ii) Projek Sambungan RMKe-10

NAMA PROJEK	PRESTASI FIZIKAL	TARIKH DIJANGKA SIAP
Projek Pembinaan Bangunan Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Kinabatangan, Sabah	78.98%	25 April 2020




### (B) Projek Bukan Fizikal

NAMA PROJEK	PRESTASI FIZIKAL	TARIKH DIJANGKA SIAP
Projek Pembangunan U-Pustaka Sebagai Hub-Maklumat Negara	100%	Siap Sepenuhnya pada 13/12/2019



## Projek yang Dibangunkan secara CSR

Perpustakaan Negara Malaysia telah bekerjasama dengan pihak Syarikat Sime Darby Development Sdn. Bhd. (SDSDSB) untuk menyediakan sebuah perpustakaan komuniti di Pusat Komersial Radia Bukit Jelutong, Shah Alam bagi kegunaan komuniti setempat. Perpustakaan Komuniti Bukit Jelutong telah

dibuka kepada pengguna pada bulan September 2019 dengan menyediakan pelbagai kemudahan terkini seperti Sudut Interaktif, Idea box, AR dan VR, Susut OKU (Braille), kemudahan ICT serta rekaan dalaman yang terkini kepada pengguna.



## Peruntukan Bantuan Kewangan Kerajaan Persekutuan kepada Perpustakaan Awam Negeri Tahun 2019

<b>AGIHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA PERBADANAN PERPUSTAKAAN NEGERI (PAN) 2019</b>				
<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Peruntukan yang Diterima Dari MOF (RM)</b>	<b>Peruntukan Langganan Pangkalan Data (1.72%) (RM)</b>	<b>Peruntukan Disalur Tahun 2019 (RM)</b>
		<b>(a)</b>	<b>(b)</b>	<b>(c)=a-b</b>
1	Johor	3,738,422.14	64,224.84	3,674,197.30
2	Kedah	3,616,264.28	62,126.21	3,554,138.08
3	Kelantan	1,495,285.06	25,688.50	1,469,596.57
4	Melaka	3,729,082.59	64,064.39	3,665,018.20
5	Negeri Sembilan	3,090,495.14	53,093.67	3,037,401.47
6	Pahang	4,437,188.48	76,229.41	4,360,959.07
7	Perak	4,411,534.56	75,788.69	4,335,745.87
8	Perlis	1,454,607.95	24,989.68	1,429,618.27
9	Pulau Pinang	6,265,087.50	107,632.10	6,157,455.40
10	Sabah	14,966,409.93	257,117.91	14,709,292.02
11	Sarawak	8,791,079.43	151,027.80	8,640,051.63
12	Selangor	9,662,790.82	166,003.51	9,496,787.31
13	Terengganu	5,941,752.11	102,077.31	5,839,674.80
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>71,600,000.00</b>	<b>1,230,064.00</b>	<b>70,369,936.00</b>



## Peruntukan Belanja Mengurus Perpustakaan Desa Pembiayaan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019

LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN PROGRAM KHUSUS MENGURUS PD PNM BAGI TAHUN 2019									
Objek		Peruntukan	* Pindah	Jumlah	Perbelanjaan	Unjuran	Jumlah	Baki	Peratus
Sebagai	Perkara	Asal	Peruntukan	Peruntukan	Sebenar		Perbelanjaan	Peruntukan	Belanja
					(a)	(b)	(a+b)		
(OS)		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(%)
<b>29000</b>	<b>Perkhidmatan</b>	<b>34,021,300.00</b>	<b>0.00</b>	<b>34,021,300.00</b>	<b>33,721,870.47</b>	<b>0.00</b>	<b>33,721,870.47</b>	<b>299,429.53</b>	<b>99%</b>
	(i) Emolumen petugas kontrak & bonus 2018	33,821,300.00		33,821,300.00	33,504,828.68	0.00	33,504,828.68	316,471.32	99%
	(ii) Program latihan petugas	200,000.00		200,000.00	217,041.79	0.00	217,041.79	-17,041.79	109%
35000	Koleksi PD	1,000,000.00		1,000,000.00	950,001.10	0.00	950,001.10	49,998.90	95%
35000	Dana Penulis	1,000,000.00		1,000,000.00	999,590.85	0.00	999,590.85	409.15	100%
42000	Pemberian dalam negeri	6,260,892.00		6,260,892.00	6,260,892.00	0.00	6,260,892.00	0.00	100%
	(i) Pengurusan PD	3,925,980.00		3,925,980.00	3,925,980.00	0.00	3,925,980.00	0.00	100%
	(ii) Penyelenggaraan PD (Besar)	242,112.00		242,112.00	242,112.00	0.00	242,112.00	0.00	100%
	(iii) Program / Aktiviti PD	14,100.00		14,100.00	14,100.00	0.00	14,100.00	0.00	100%
*	(iv) Perolehan ICT	2,078,700.00		2,078,700.00	2,078,700.00	0.00	2,078,700.00	0.00	100%
47000	Ganjaran	67,808.00		67,808.00	60,547.44		60,547.44	7,260.56	89%
<b>JUMLAH</b>		<b>42,350,000.00</b>		<b>42,350,000.00</b>	<b>41,992,901.86</b>	<b>0.00</b>	<b>41,992,901.86</b>	<b>357,098.14</b>	<b>99%</b>
NOTA:	1. Penyaluran peruntukan - Bayaran kepada PAN dari 19/3/2019 hingga 25/3/2019 sebanyak RM3,925,980.00								
*	2. Penjimatan dari Ganjaran (OS4700) sebanyak RM38,000.00 digunakan untuk Penyelenggaraan PD. (E-mel daripada Akauntan pada 12/11/2019)								
	3. Pindaan Emolumen Petugas Kontrak & Bonus 2018 (OS29000) sebanyak RM2,078,700.00 bagi pembelian ICT PD (Kelulusan daripada KP pada 18/11/2019)								

## Perpustakaan Desa, Perpustakaan Negara Malaysia


### Jumlah Perjawatan Perpustakaan Desa Tahun 2019

JAWATAN			
GRED	BILANGAN	ISI	TIDAK ISI
S29	128	126	2
S19	512	440	72
N11	512	385	127
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,152</b>	<b>951</b>	<b>201</b>



### Jumlah Perpustakaan Desa Tahun 2019

507 PD PNM YANG BEROPERASI PADA TAHUN 2019  
5 PD PNM TIDAK BEROPERASI



### Statistik Perpustakaan Desa Tahun 2019





## BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN

Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP), PNM menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan perundingan kepada organisasi yang merancang menubuhkan perpustakaan baharu atau menaik taraf perkhidmatan perpustakaan sedia ada sebagaimana yang termaktub dalam Akta Perpustakaan Negara 1972 (Mengandungi Segala Pindaan Hingga 1 Januari 2006) (Akta 80) Bahagian II Seksyen 4(2)(b) :

*"memberikan khidmat nasihat dan membantu dalam perancangan dan perkembangan Perpustakaan di peringkat kebangsaan;"*

Dan Bahagian II Seksyen 4(2)(i) :

*"menganjurkan penubuhan suatu rangkaian Perpustakaan khusus selaras dengan piawaian kebangsaan bagi mengadakannya."*

### Fungsi

- Merancang dan menyediakan khidmat nasihat dan perundingan untuk penubuhan serta menaik taraf perpustakaan pada peringkat negara/serantau/antarabangsa.
- Menyediakan khidmat perundingan untuk penubuhan dan menaik taraf perpustakaan pada peringkat negara/serantau/antarabangsa berdasarkan permohonan.
- Merancang dan mengadakan Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Khusus Gunasama.
- Merancang dan menyelaras penyediaan garis panduan dan standard berkaitan pembangunan perpustakaan di Malaysia.
- Memantau kemajuan prestasi perkhidmatan di Perpustakaan Khusus Gunasama.



13.7%



86.3%

### Jumlah Perpustakaan Khusus Gunasama Tahun 2019

KLUSTER	PERPUSTAKAAN KHUSUS GUNASAMA
Kementerian/ Jabatan Persekutuan	109
Akademik (Politeknik/IPG/Kolej Matrikulasi/Kolej Komuniti)	159
Institut Latihan/Penyelidikan	99
Mahkamah/Perundangan	43
Perubatan/Kesihatan (Hospital/Institut Latihan/ Institusi Kesihatan)	87
Institusi Keselamatan (Polis /Tentera)	60
<b>JUMLAH</b>	<b>557</b>

### Statistik Perjawatan Perpustakaan Khusus Gunasama Tahun 2019

BIL.	GRED	BIL. PERJAWATAN
1.	S54	1
2.	S52	3
3.	S48	10
4.	S44	30
5.	S41	140
<b>Jumlah</b>		<b>184</b>
6.	S38	2
7.	S32	20
8.	S29	183
9.	S26	2
10.	S22	82
11.	S19	869
<b>Jumlah</b>		<b>1,160</b>

### Lawatan Khidmat Nasihat dan Perundingan dan Mesyuarat Tahun 2019

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Khidmat Nasihat	30
2.	Perundingan	4
3.	Mesyuarat dan Aktiviti	3





Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Khusus Gunasama Kumpulan Pengurusan dan Profesional 2019 – 14 Mac 2019 di Auditorium Aras 2, PNM



Mesyuarat Pengurusan  
Perpustakaan Khusus Gunasama  
Kumpulan Pelaksana 2019 –  
17 September 2019 di Auditorium  
Aras 2, PNM

Mesyuarat Bersama Penyelia  
Perpustakaan 2019 – 1 Oktober 2019 di  
Bilik Serbaguna, Aras 1, PNM





## BAHAGIAN PENYELIDIKAN

Bahagian Penyelidikan (BPP) merupakan bahagian yang bertanggungjawab melaksanakan kajian berkaitan dengan kepustakawanan dan mengumpul statistik perpustakaan di Malaysia.

### Fungsi


#### Penyelidikan

- Merancang dan melaksanakan kajian dalam bidang kepustakawanan dan perkhidmatan maklumat di Malaysia.
- Menjalin perhubungan strategik berkaitan program kajian dengan pusat penyelidikan, agensi kerajaan, Universiti Awam dan kajian lain berkaitan kepustakawanan.
- Mendokumentasikan hasil penyelidikan dalam bidang kepustakawanan dan perkhidmatan maklumat di Malaysia.
- Menyelaraskan permohonan penyelidikan/kajian para penyelidik/pelajar daripada dalam dan luar negara mengenai PNM.

#### Statistik Dan Piawaian

- Mengumpul, mengurus, menyelenggara dan menerbitkan data statistik dan maklumat berkaitan perpustakaan dan bidang kepustakawanan di Malaysia.
- Menyelaraskan dan membekal data perangkaan berkaitan perkhidmatan perpustakaan di Malaysia bagi tujuan menyediakan data bagi Buletin Perangkaan Sosial, Data Kebudayaan MOTAC, IFLA, Parlimen, Agensi kerajaan lain, pelajar, penyelidik dan orang awam.
- Mengurus dan mengemaskini pangkalan data Perangkaan Perpustakaan dalam Pangkalan Data Direktori Perpustakaan di Malaysia.
- Bertanggungjawab terhadap kawalan dokumen kualiti MS ISO 9001:2015 Jabatan.
- Menyelaraskan data raya berkaitan perpustakaan.

### Ringkasan Statistik Perpustakaan Negara Malaysia






## Penerbitan Laporan Perangkaan Perpustakaan

Sebanyak tujuh (7) Laporan Perangkaan Perpustakaan yang dikeluarkan setiap tahun oleh BPP, iaitu:

- Perangkaan Perpustakaan Negara Malaysia 2018.
- Perangkaan Perpustakaan Desa, Perpustakaan Negara Malaysia 2018.
- Perangkaan Perpustakaan Khusus Gunasama 2018.
- Perangkaan Perpustakaan Awam Negeri 2018.
- Perangkaan Perpustakaan Desa, Perpustakaan Awam Negeri 2018.
- Perangkaan Perpustakaan Akademik 2018.
- Perangkaan Perpustakaan Berkanun, Swasta dan Sekolah Swasta 2018.
- Perangkaan Perpustakaan di Malaysia 2018.



Statistik Perpustakaan Negara Malaysia bagi tahun 2017-2019



#### PENCAPAIAN STATISTIK TAHUN 2019

PNM, KOMUNITI & PD PNM

<b>Keahlian</b> 117,291 PNM: 39,920 KOMUNITI: 1,597 PD PNM: 75,774	<b>Peminjaman Bahan</b> 2,883,260 PNM: 377,000 KOMUNITI: 54,793 PD PNM: 2,451,467
<b>Pengunjung</b> 3,208,357 PNM: 457,781 KOMUNITI: 90,468 PD PNM: 2,660,108	<b>Bahan Dirujuk</b> 3,360,086 PNM: 476,893 KOMUNITI: 29,285 PD PNM: 2,853,908
<b>Pengguna</b> 2,821,316 PNM: 394,800 KOMUNITI: 90,468 PD PNM: 2,336,048	<b>Penggunaan Dalam Talian/ICT</b> 10,798,688 PNM: 5,226 KOMUNITI: 490,923

Nota: Data tidak termasuk dengan Perkhidmatan Dalam Talian/Maya.





## PEMBANGUNAN KOLEKSI




### PUSAT BIBLIOGRAFI NEGARA


#### Fungsi

- Merancang dan mengurus aktiviti kawalan bibliografi kebangsaan.
- Menyediakan rekod bibliografi, fail kuasa nama pengarang dan tajuk perkara Malaysia bagi bahan perpustakaan yang diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 mengikut standard antarabangsa dan kebangsaan.
- Menggubal dasar dan standard pendokumentasian kebangsaan.
- Mengurus dan mengawal kualiti pangkalan data Bibliografi Negara Malaysia.
- Menyelaras dan melaksanakan projek pengkatalogan dan pengkelasan kebangsaan dan antarabangsa.

#### Pendokumentasian



## Perkhidmatan kepada Penerbit (PKP)



## Aktiviti Sepanjang Tahun 2019

### Mesyuarat Konsortium Katalog Induk Kebangsaan Bil. 1/2019

Mesyuarat Konsortium Katalog Induk Kebangsaan Bil.1/2019 telah dipengerusikan oleh YBrs. Puan Maizan Ismail, Ketua Pengarah PNM dan diadakan pada 10 Oktober 2019 bertempat di Auditorium PNM. PNM selaku hos kepada Pembangunan Projek KIK mengadakan Mesyuarat Konsortium Katalog Induk Kebangsaan sekurang-kurangnya sekali pada setiap tahun. Mesyuarat kali ini dihadiri oleh 149 ahli mesyuarat yang terdiri daripada 79 perpustakaan konsortium. Selain agenda yang dibincangkan, turut diadakan demonstrasi Sistem KIK versi baharu kepada ahli konsortium ketika mesyuarat berlangsung.



YBrs. Puan Maizan Ismail, Ketua Pengarah PNM Mempengerusikan Mesyuarat



Sesi Bergambar Bersama-sama Ahli Konsortium KIK yang Hadir



Demonstrasi Sistem KIK Versi Baharu kepada Ahli Konsortium



### Latihan Penggunaan Sistem Katalog Induk Kebangsaan (KIK) Versi 2.0

Latihan Penggunaan Sistem Katalog Induk Kebangsaan (KIK) Versi 2.0 telah diadakan bagi memberikan pendedahan dan *hands-on* sistem baharu yang telah dibangunkan kepada pegawai perpustakaan dan pegawai IT perpustakaan yang merupakan ahli konsortium KIK. Sesi latihan diadakan selama lapan hari yang dibahagikan kepada empat Zon. Tarikh dan tempat sesi latihan adalah seperti yang berikut:

- Tarikh : 29 Oktober 2019 hingga 7 November 2019
- Masa : 8.30 pagi hingga 5.00 petang
- Tempat : Kinrara Resort, Jalan Kinrara 6, Bandar Kinrara



Sesi Taklimat kepada Peserta

Peserta sesi latihan ialah seramai 224 daripada 113 perpustakaan konsortium KIK. Setiap konsortium diwakili oleh tiga (3) atau dua (2) orang pegawai, iaitu Pustakawan/Penolong Pustakawan/Pembantu Pustakawan yang terlibat dengan pendokumentasian bahan perpustakaan, pinjaman antara perpustakaan dan pegawai daripada bidang teknologi maklumat.



Peserta Dibantu Menggunakan Sistem KIK Versi 2.0 oleh Pasukan KIK



Peserta sesi  
Latihan  
Penggunaan  
Sistem  
Katalog Induk  
Kebangsaan Versi  
2.0

### Latihan/Kursus Luar Negara

Dua pegawai Pusat Bibliografi Negara telah terpilih untuk menyertai persidangan luar negara, iaitu :

- Encik Hishamuddin Ramli – Philippine Librarians Association, Inc. (PLAI) 2019 National Congress di Tagatay City, Filipina pada 19-22 November 2019.
- Cik Anis Omar – Persidangan International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) di Athens, Greece pada 24-30 Ogos 2019.





## PUSAT PENYERAHAN TERBITAN NEGARA

Pusat Penyerahan Terbitan Negara (PPTN), Perpustakaan Negara Malaysia melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) bertanggungjawab memastikan penerbit menyerahkan lima (5) naskhah bahan bercetak dan dua (2) unit bahan bukan bercetak yang diterbitkan di Malaysia kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Bahan-bahan akan disimpan, dipulihara seterusnya dijadikan sebagai Koleksi Negara dan Warisan Intelek Negara.

### Fungsi:

- Melaksanakan Penguatkuasaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) terhadap :
  - ✦ Monograf / Peta / Carta
  - ✦ Terbitan Bersiri
  - ✦ Sumber Media / Kertas Persidangan

- Taklimat kepada penerbit di ibu pejabat dan di negeri-negeri
- Melaksanakan promosi Akta 331
- Menghantar surat tuntutan bahan dan surat peringatan bahan kepada penerbit
- Menjalankan tugas pengesanan dan pemantauan Akta 331

Pada tahun 2019, sebanyak 28,218 judul/179,437 naskhah bahan telah diterima di bawah Akta 331 daripada jumlah tersebut sebanyak 18,566 judul merupakan bahan baharu yang diterima bawah di Akta 331 dan didaftarkan untuk dijadikan sebagai Koleksi Negara.

Penghantaran bahan Koleksi Negara ke Pusat Penyimpanan Luar Koleksi Negara Zon Sabah (PPLKN-S) di Perpustakaan Negeri Sabah adalah sebanyak 25,062 naskhah.

## Aktiviti Pusat Penyerahan Terbitan Negara

### Pengesanan dan Promosi Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)

Mesyuarat Konsortium Katalog Induk Kebangsaan Bil.1/2019 telah dipengerusikan oleh YBrs. Puan Maizan Ismail, Ketua Pengarah PNM dan diadakan pada 10 Oktober 2019 bertempat di Auditorium PNM. PNM selaku hos kepada Pembangunan Projek KIK mengadakan Mesyuarat Konsortium Katalog Induk

Kebangsaan sekurang-kurangnya sekali pada setiap tahun. Mesyuarat kali ini dihadiri oleh 149 ahli mesyuarat yang terdiri daripada 79 perpustakaan konsortium. Selain agenda yang dibincangkan, turut diadakan demonstrasi Sistem KIK versi baharu kepada ahli konsortium ketika mesyuarat berlangsung.

Bil.	Perkara	Kekerapan
1.	Lawatan promosi Akta 331	25 kali
2.	Taklimat Akta 331	11 kali
3.	Pengesanan bahan di Pesta/Ekspo/Karnival Buku	- Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2019 - Pesta Buku Selangor 2019 - Pesta Buku Negeri Sembilan 2019 - Pesta Buku Bos Gaurus 2019
4.	Pengesanan bahan mengikut negeri.	2 kali. <b>Zon Selatan :</b> - Johor - Melaka - Negeri Sembilan  <b>Zon Timur :</b> - Pahang - Terengganu - Kelantan



**Seminar Bersama Penerbit 2019**

Penganjuran Seminar Bersama Penerbit 2019 telah diadakan pada 6 Ogos 2019 (Selasa), bertempat di Auditorium Aras 2, Bangunan Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Cik Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha Kebudayaan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Seminar Bersama Penerbit 2019 ini merupakan program kesinambungan bagi Seminar Sehari Bersama Penerbit yang telah diadakan pada 21 November 2018. Penganjuran seminar ini merupakan salah satu langkah PNM dalam menyokong pelaksanaan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia pada tahun 2020.

Seminar ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran pematuhan Akta Penyerahan Bahan

Perpustakaan 1986 (Akta 331) kepada penerbit seterusnya memantapkan Koleksi Negara untuk generasi kini dan akan datang ke arah menjadikan PNM sebagai Pusat Kecemerlangan Warisan Intelek Negara.

Pengisian seminar adalah pembentangan kertas kerja, Kaunter promosi u-Pustaka, Kaunter Perkhidmatan Kepada Penerbit, Kaunter Promosi Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331), Pameran Buku Augmented Reality dan Jualan Buku Terbitan Perpustakaan Negara Malaysia.

Sempena Seminar ini juga, Perpustakaan Negara Malaysia telah memberi sijil penghargaan kepada agensi penerbitan baharu yang telah membuat serahan terbanyak di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331). Penerima sijil penghargaan adalah seperti berikut:

Penerbit Kerajaan		Penerbit Swasta	
Bukan Fiksyen	Fiksyen	Bukan Fiksyen	Fiksyen
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia	Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak	Haikal Parenting Management Sdn. Bhd.	Teaspoon Publication

Enam (6) pembentangan kertas kerja telah diadakan seperti berikut:

Tajuk Kertas Kerja	Pembentang
Perkhidmatan Pra-Penerbitan Bahan Digital di Malaysia	Puan Amy Zurina binti Abdullah Penolong Pengarah Pusat Bibliografi Negara Perpustakaan Negara Malaysia
Peluasan Budaya Membaca dalam Kalangan Masyarakat	YBrs. Dr. Tan Awang Besar Setiausaha Bahagian Bahagian Dasar Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan Seni dan Budaya
Impak Industri Kreatif Terhadap Perkembangan Buku Negara	Encik Arief Hakim Sani bin Rahmat Pengerusi Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
Trend Adaptasi Novel ke Drama: Membantu atau Merosakkan Industri Buku Malaysia	Encik Fairus bin Razak Ketua Editor Penerbitan Karya Seni
Tarikan Terhadap Buku Augmented Reality dalam Kalangan Pembaca Muda di Malaysia	Puan Joanne Tay Pengurus Pemasaran dan Komunikasi Sasbadi Group Sdn. Bhd.
Penerbitan Aplikasi Mudah Alih Kanak-Kanak Dewan Bahasa dan Pustaka	Puan Rosmani binti Omar Pegawai Perancang Bahasa Bahagian Multimedia Dewan Bahasa dan Pustaka

Seramai 180 peserta telah menghadiri seminar ini yang terdiri dari penerbit kerajaan, penerbit swasta, pustakawan gunasama, pelajar universiti Awam dan

Swasta, pesara dan individu yang terlibat dalam industri buku dan juga kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia.





Ucapan Perasmian oleh YBrs. Cik Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia sempena Seminar Bersama Penerbit 2019



Acara perasmian Seminar Bersama Penerbit 2019 oleh YBrs. Cik Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia



Penerima Anugerah Penerbit Baharu Aktif bergambar kenangan bersama dengan YBrs. Cik Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia



Penyampaian Cenderamata kepada YBrs. Cik Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia oleh Puan Siti Aishah bt Sh. Abd. Kadir, Timbalan Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia





Ahli Panel Sesi 1 Seminar Bersama Penerbit 2019 terdiri daripada Dr. Tan Awang Besar dari Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Puan Amy Zurina binti Abdullah dari Perpustakaan Negara Malaysia, Encik Arief Hakim Sani bin Rahmat dari MABOPA dan Encik Ali bin Rashid selaku moderator bersama Pengarah Pembangunan Koleksi, PNM, Puan Salasiah binti Abdul Wahab



Pembentangan kertas kerja oleh Dr. Tan Awang Besar dari Bahagian Dasar Kebudayaan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia



Sesi soal jawab bersama ahli panel dan peserta



Ahli Panel Sesi 2 Seminar Bersama Penerbit 2019 terdiri daripada Encik Fairus Razak dari Penerbitan Karya Seni, Cik Joanne Tay dari Kumpulan Sasbadi dan Puan Rosmani binti Omar dari Dewan Bahasa Pustaka serta Tuan Syed Muhammad Faiz Syed Mansur dari Xentral Methods Sdn. Bhd. selaku moderator bersama Pengarah Pembangunan Koleksi, PNM, Puan Salasiah binti Abdul Wahab





## BAHAGIAN PEMBINAAN KOLEKSI

Dalam usaha memperkukuhkan koleksi perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) terus mempergiat program perolehan sumber perpustakaan di bawah penguatkuasaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331), pembelian serta hadiah dan pertukaran. Sehingga Disember 2019, jumlah kumulatif koleksi PNM yang diperolehi melalui pembelian adalah 143,096 unit manakala perolehan hadiah dan pertukaran sebanyak 26,306 unit.

Di samping perolehan bahan bacaan untuk PNM, perolehan juga dilaksanakan untuk Perpustakaan Desa di seluruh Malaysia

### Fungsi :

- Merancang dan mengurus aktiviti pembelian monograf Dalam dan Luar Negara untuk koleksi PNM, koleksi Pusat Sumber Malaysia dan Kedutaan Malaysia di luar negara.
- Mengurus pengesanan / penyelidikan bahan koleksi peribadi / nadir dalam dan luar Negara.
- Mengurus pembaharuan dan langganan baharu Pangkalan Data
- Merancang dan mengurus aktiviti pembelian bahan untuk koleksi Perpustakaan Desa

untuk memberi galakan kepada masyarakat luar bandar untuk memperkayakan ilmu. Pada tahun 2019, sebanyak 76,696 naskhah bahan bacaan yang meliputi pelbagai disiplin ilmu telah diperolehi.

PNM juga memperolehi bahan bacaan sebanyak 504 naskhah untuk enam (6) Kedutaan Malaysia di London, Washington, Jakarta, Wellington, Tokyo dan New Delhi serta 192 naskhah bagi dua (2) Pusat Sumber Malaysia di Ohio dan Beijing.

- Merancang dan mengurus Dana Pembelian terus Buku-buku Karya Penulis Tempatan.
- Merancang dan mengurus aktiviti pembelian sumber media untuk koleksi PNM terbitan Dalam dan Luar Negara.
- Mendokumentasikan bahan yang diperolehi melalui pembelian, hadiah dan pertukaran mengikut standard kebangsaan dan antarabangsa.

## Perolehan Bahan Bacaan

### (A) Perolehan Koleksi PNM

- Perolehan bahan fizikal PNM dilaksanakan melalui pembelian, hadiah dan pertukaran yang merangkumi koleksi monograf, terbitan bersiri, sumber media, e-book, koleksi peribadi dan nadir serta manuskrip Melayu.

### Monograf

Buku/monograf merupakan karya atau hasil penulisan yang diedarkan kepada umum termasuk buku bercetak atau dalam apa saja bentuk. Monograf Malaysiana adalah buku yang diterbitkan di Malaysia dan/atau mengenai Malaysia yang diterbitkan di luar Malaysia dan/atau yang dihasilkan oleh warganegara Malaysia tidak kira bentuk, bahasa, skrip atau tarikh diterbitkan.

Monograf Bukan Malaysiana ialah buku yang diterbitkan di luar Malaysia yang tiada kaitan dengan Malaysia atau bukan dihasilkan oleh warganegara Malaysia tetapi memenuhi keperluan pembaca.

- Koleksi bahan digital turut diperolehi melalui langganan Pangkalan Data komersial secara pembelian kekal.
- Seiring dengan perkembangan dan trend pembacaan masa kini, PNM turut memperolehi bahan bacaan dalam bentuk *virtual reality* (VR) dan *augmented reality* (AR).

Sepanjang tahun 2019, pelbagai disiplin ilmu telah diperolehi melalui proses pembelian serta sumbangan/hadiah dari dalam dan luar Negara. Jumlah terperinci seperti di bawah:

Kaedah Perolehan	Malaysiana	Bukan Malaysiana	Jumlah
Pembelian	1,793 judul/7,905 naskhah	1,762 judul/4,422 naskhah	3,555 judul / 12,327 naskhah
Hadiah / Sumbangan	1,754 judul/24,968 naskhah	1,073 judul/1,338 naskhah	2,827 judul/26,306 naskhah



**Terbitan Bersiri**

Sebanyak 12,591 naskah terbitan bersiri telah diperoleh melalui pembelian sepanjang tahun 2019 yang meliputi majalah dan jurnal iaitu sebanyak 75 judul/1,226 naskah, manakala surat khabar adalah sebanyak 14 judul/11,365 naskah.

**Sumber Media dan Elektronik**

Sumber elektronik merujuk kepada bahan-bahan dalam format elektronik atau digital yang memerlukan akses kepada komputer, sama ada melalui komputer peribadi atau peranti mudah alih. Ia boleh diakses melalui internet atau dalam premis

Kaedah Perolehan	Malaysiana	Bukan Malaysiana	Jumlah
Pembelian	51 judul	186 judul	237 judul

**Langganan Pangkalan Data**

Pada tahun 2019, sebanyak 15 Pangkalan Data telah dilanggan untuk PNM dan Perpustakaan Awam Negeri (PAN) iaitu:

**Buku Elektronik (e-Book)**

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 32,829 judul buku elektronik (e-book) telah diperoleh melalui langganan pangkalan data e-buku.

**Koleksi Khas (Koleksi Peribadi & Nadir)**

Koleksi Peribadi dan Nadir dikategorikan sebagai Koleksi Khas. Pada tahun 2019, PNM telah memperoleh sebanyak 1,936 item bahan koleksi peribadi iaitu koleksi Dato' Dr. Noordin bin Hassan, Dato' Dr. Haji Ahmad Khamal bin Abdullah, Kartunis Negara Tuan Haji Zainal bin Buang serta dua individu bagi Koleksi Nadir.

**(B) Perolehan Bahan Bacaan Perpustakaan Desa**

Perolehan bahan bacaan untuk koleksi Perpustakaan Desa di seluruh Malaysia dilaksanakan melalui tender dan Dana Pembelian Terus Buku-buku Karya Penulis Tempatan. Pada

tahun 2019, sebanyak 225 judul/76,696 naskah bahan bacaan baharu yang meliputi pelbagai disiplin ilmu telah diperoleh untuk 507 Perpustakaan Desa di seluruh negara.



**(C) Perolehan Bahan Virtual Realiti (VR) dan Augmented Realiti (AR)**

Perkhidmatan ini disediakan bagi menaiktaraf perkhidmatan PNM agar seiring dengan perkembangan teknologi semasa yang bercirikan Industri Revolusi 4.0 (IR 4.0). Dengan tersedianya perkhidmatan ini, ia akan menjadi pelengkap bagi

perkhidmatan AR sedia ada di PNM dan para pengguna PNM akan dapat menerokai pelbagai kandungan e-pembelajaran secara interaktif dalam bentuk tiga dimensi (3D), menggunakan teknologi VR.

• **Augmented Reality (AR)**

Pada tahun 2019, sebanyak 15 judul buku Augmented Reality dan 100 judul buku Audiobook telah diperolehi untuk dimanfaatkan oleh pengguna perpustakaan.



• **Virtual Reality (VR)**

PNM juga telah memperolehi Portal License VR Class dan 8 unit set Class VR Headsets yang disediakan dalam satu kit yang boleh diakses oleh pengguna PNM di Samsung Smart Library.





## BAHAGIAN PEMULIHARAAN

### Fungsi:

- Mengurus penyediaan mikrofilem master bagi 7 judul surat khabar tempatan, manuskrip Melayu dan bahan nadir.
- Menyelenggara salinan mikrofilem positif untuk bahagian perkhidmatan
- Memulihara bahan digital dalam keadaan asal supaya dapat diakses dan digunakan untuk generasi akan datang.

Bahagian Pemuliharaan telah melaksanakan tanggungjawab yang diberikan bagi memastikan koleksi sumber perpustakaan sentiasa kekal terpelihara dan terpulihara. Tiga aktiviti utama

yang dilaksanakan bagi menyokong perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia adalah:



Aktiviti yang terlibat dalam Unit Jilidan adalah proses menjilid dan meninta bahan. Unit ini telah berjaya mencapai sebanyak

1,379 naskhah (68.9%) dan 2,887 naskhah (144.4%) telah ditinta.



Sepanjang tahun 2019, bahagian ini telah melaksanakan 10 lawatan pemantauan dan setiap sesi lawatan melibatkan 6 ruang simpanan bahan bercetak dan 5 ruang simpanan tidak bercetak. Lawatan pemantauan bagi bahan bercetak dilaksanakan setiap 3 bulan sekali iaitu Mac, Jun, September dan Disember manakala lawatan pemantauan bagi bahan bukan bercetak dilaksanakan setiap 2 bulan sekali iaitu Februari, April, Jun, Ogos, Oktober dan Disember. Hasil laporan pemantauan akan dilaporkan kepada


setiap Bahagian terlibat dan juga Pengurusan Perpustakaan. Sebarang ketidakpatuhan yang dicatatkan akan diambil tindakan segera bagi memastikan bahan yang tersimpan terpelihara untuk simpanan akan datang. Bahan yang didapati rosak akan dihantar ke Bahagian Pemuliharaan untuk proses pemuliharaan. Aktiviti ini selaras dengan kehendak dan tujuan Akta Penyerahan Bahan 1986 (Akta 331).



## Lawatan dari Agensi Luar

Bahagian Pemuliharaan sering dilawati oleh Agensi Kerajaan mahupun Agensi Bukan Kerajaan. Tetamu akan diperkenalkan dengan demo pemuliharaan dan pemeliharaan bahan

perpustakaan. Sepanjang tahun 2019, bahagian ini telah menerima kunjungan dari sebelas (11) agensi-agensi seperti berikut:-



## Promosi Perkhidmatan Pemuliharaan

Bahagian Pemuliharaan juga terlibat dalam usaha mempromosi perkhidmatan pemuliharaan kepada pengguna perpustakaan. Program-program rasmi yang dianjurkan oleh PNM yang turut

melibatkan Bahagian Pemuliharaan bagi mempromosikan perkhidmatan pemuliharaan sumber Perpustakaan adalah seperti berikut:



## Bengkel dan Kursus

Bahagian ini juga terlibat dalam mengendalikan kursus dan bengkel pemuliharaan kepada agensi-agensi luar seperti berikut:

- i. Bengkel Pembaikan Ringan dan Pemuliharaan di Kementerian Sumber Manusia pada 12-13 Jun 2019.
- ii. Bengkel Manuskrip di UKM 3-4 Julai 2019.
- iii. Bengkel Penjilidan Buku di Kementerian Komunikasi Multimedia (KKMM) pada 21 Ogos 2019.



*Aktiviti Doktor Buku sempena Program Jom Baca 10 Minit – 3 April 2019 di MITI*



*Aktiviti Doktor Buku sempena Program PIACUF – 27 Julai 2019 di Putrajaya*





Lawatan Kerja dari IPG Pendidikan Islam Bangi – 4 November 2019



Lawatan Sambil Belajar dari English Language Teaching Centre (ELTC) – 30 April 2019



Bengkel Pembaikan Ringan dan Pemuliharaan di Kementerian Sumber Manusia (12-13 Jun 2019)



*Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara*



ALI BIN RASHID

*Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat*



DATIN JAMALIAH BINTI MOHD NAYAN

*Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu*



FAIZAL HILMIE BIN YUSOF

*Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara*




NORLIZA BINTI MOHD NORDIN

*Bahagian Sumber Elektronik*



ZAHUDDIN BIN SIDEK @ SALLEH



## PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

*Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan*



AIDATUL HASNIDA BINTI ABDUL RANI

*Bahagian Pengurusan Projek Digital*



JAINI BINTI ONGGAI

*Bahagian Kandungan Digital*



WAN MOHAMAD FAZALI BIN MOHD SALLEH

*Perpustakaan Digital Negara*



NOR O'BADAH BINTI ABIDIN

*Perpustakaan Cawangan dan Komuniti*



SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB

*Bahagian Pinjaman*



KASUMA DEWI BINTI SAAD

*Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis*



AZIZI BIN JANAN



## PERKHIDMATAN RUJUKAN DAN MAKLUMAT



### PUSAT RUJUKAN MALYSIANA DAN LUAR NEGARA

Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN) adalah salah satu bahagian perkhidmatan utama di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang menyediakan kemudahan rujukan bahan terbitan tempatan dan luar negara. Pelbagai jenis sumber perpustakaan yang disediakan bagi tujuan rujukan,


seperti monograf, terbitan bersiri, mikrofilem, surat khabar dan pangkalan data. Disamping itu, PNM turut menyediakan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan melalui Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP).

#### Fungsi :


- Mengurus perkhidmatan rujukan dan perujukan Malaysiana dan luar Negara
- Mengesan dan menyediakan bahan rujukan untuk memenuhi keperluan pengguna
- Mengurus dan menyelenggara koleksi Malaysiana dan luar Negara
- Memantapkan koleksi Malaysiana dan luar Negara melalui pengesanan/perolehan
- Mengurus dan menyelaraskan Sistem Pembekalan Penerbitan dari dalam dan luar Negara
- Menyebar ilmu yang terakam dalam bahan nadir dan koleksi peribadi melalui penyelidikan penerbitan
- Mengurus dan melaksanakan perkhidmatan rujukan koleksi khas Harvard, PBB dan ASEAN
- Mengurus dan melaksana program promosi koleksi Malaysiana dan luar Negara

### Statistik Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara

Carta Pai I: Pencapaian Perkhidmatan Rujukan Malaysiana dan Luar Negara



Pada tahun 2019, sebanyak 213,247 koleksi Malaysiana telah dirujuk oleh pembaca (Jadual 1). Sejumlah 14,461 pertanyaan arah tunjuk dan 18,900 pertanyaan rujukan ringkas diterima dan dijawab serta 862 bahan dikongsi melalui permohonan



Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP). Bagi Koleksi Luar Negara sebanyak 52,377 Koleksi Luar Negara sebanyak 1,191 pertanyaan arah tunjuk dan 1,442 pertanyaan rujukan ringkas diterima dan dijawab.



## Program/Aktiviti Pusat Rujukan Malaysia dan Luar Negara 2019

### Program/aktiviti

BIL	BULAN/TARIKH	PROGRAM/AKTIVITI	TEMPAT	PENGUNJUNG
1	Januari – Jun 2019	Pameran Koleksi Nadir, Peribadi dan Arkib PNM	Aras 10, Menara PNM	649
2	29 Januari 2019	Majlis Pelancaran Logo Baru Jamu Mak Dara & Produk Minuman Kesihatan Body Booster oleh Jamu Mak Dara Sdn Bhd	Dewan Serbaguna, Aras 1 Anjung Bestari	150
3	2 Mac 2019	Pameran Koleksi Nadir dan Peribadi @ Kuiz Nadir sempena Program Singgah Santai Bil. 1/2019	PNM	263
4	26 – 31 Mac 2019	Program Cuti Sekolah@PNM : Riang Ria Cuti Sekolah dan Kuiz Eksplorasi Ilmu	Aras 8, Menara PNM	100
5	29 Mac – 6 April 2019	Pameran Koleksi Nadir dan Peribadi sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, PWTC	PWTC, KL	320
6	31 Mac 2019	Pameran Koleksi Nadir dan Peribadi sempena Larian Ulat Buku U-Pustaka di Dataran Merdeka	Dataran Merdeka	83
7	01-Apr-19	Kuiz Nadir Sempena PBAKL	PWTC, KL	156
8	02-Apr-19	Deklamasi Puisi Sempena PBAKL	Reruai PNM, PWTC KL	40
9	23-Apr-19	Kuiz Nadir Sempena Jom Baca Bersama 10 Minit	PNM	48
10	23-Apr-19	Pameran Koleksi Nadir dan Peribadi & Kuiz Nadir Sempena Jom Baca Bersama 10 Minit	MITI	128
11	26-Apr-19	Pameran Koleksi Nadir dan Peribadi & Kuiz Nadir Sempena Karnival Pengurusan Maklumat	UiTM Puncak Perdana Shah Alam	89
12	27-Jun-19	Karnival Intelektual@PNM 2019	Auditorium, Aras 2, Anjung Bestari	620
13	29 Ogos 2019	Program Semarak Merdeka@PNM 2019: Tema: Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih	Auditorium PNM, Aras 2, Anjung Bestari	537
14	14-Sep-19	Malam Baca Puisi Dunia: Puisi Pada Zaman Tidak Puitis	Ruang Santai Aras 1, Anjung PNM	400
15	14-Sep-19	Pameran Sasterawan Negara bersempena Malam Baca Puisi Dunia 2019	Ruang Pameran	400
16	8 Oktober 2019	Kenali Teromba: Puisi Melayu Yang Kian Dilupakan	Auditorium PNM	359



BIL	BULAN/TARIKH	PROGRAM/AKTIVITI	TEMPAT	PENGUNJUNG
17	12 dan 19 Oktober	Bengkel Mari Belajar Bahasa Melayu Untuk Warga Negara Asing	Aras 5, Anjung Bestari	80
18	7-10 Okt 2019	Pameran Koleksi Nadir, Peribadi dan Manuskrip Melayu	Parlimen Malaysia	87
19	8 Oktober 2019	Pameran Koleksi Nadir dan Peribadi sempena Cetera Teromba	PNM	150
20	2 November 2019	Singgah Santai Bil. 3/2019	Sekitar PNM	3028
21	13 dan 14 November 2019	Syoknya Cuti Sekolah	Aras 10, Menara PNM	90
22	5-6 November 2019	Pameran Koleksi Nadir dan Peribadi sempena International Forum 2019: <i>Crossroads of Sciences on Knowledge, Information and Data</i> anjuran Fakulti Pengajian Maklumat, UiTM Shah Alam	Hotel Sunway Putra, KL	89
23	17 Disember 2019	<i>Library Explorace</i> Bersama PELAJAR Sekolah Indonesia Kuala Lumpur (SIKL)	PNM	68
24	30 September 2019	Bicara Harvard	Auditorium PNM	300
25	31 Oktober 2019	Bicara Intelektual	Auditorium PNM	304

### **Pameran**

BIL	BULAN	TEMA PAMERAN	TEMPAT	PENGUNJUNG
1	Januari	Pameran Eksplorasi Ilmu Siri 1: Magis Belantara: Khasiat Perubatan Herba Nusantara	Aras 7, Menara PNM	1803
2	Februari	Pameran Eksplorasi Ilmu Siri 2: Pameran Tahun Baru Cina	Aras 7, Menara PNM & Aras 3, Anjung Bestari	8,854
3	Mac	Pameran Eksplorasi Ilmu Siri 3: Dondang Sayang : Semarak Warisan Budaya Tidak ketara UNESCO	Aras 7, Menara PNM	9103
4	April	Pameran Eksplorasi Ilmu Siri 4: Dajjal: Membongkar Fitnah 5Akhir Zaman	Aras 7, Menara PNM	7,211
5	Mei	Pameran Eksplorasi7 Ilmu Siri 5: Kembar8a Iman: Ramadh9an - Kemanisan Dalam Kepayahan	Aras 7, Menara PNM	7272
6	Jun	Pameran Eksplorasi Ilmu Siri 6: Perpaduan dalam Kepelbagaian. Raikan Aidilfitri, Gawai dan Tadau Keamatan	Aras 7, Menara PNM	11,920
7	Julai	Pameran Monograf Tema : Dapur Malaysia Misi Mencari Chef Buku	Aras 7, Menara PNM	4,705



BIL	BULAN	TEMA PAMERAN	TEMPAT	PENGUNJUNG
8	Julai	Pameran Mini Sempena Ulangtahun Kelahiran Perdana Menteri Malaysia YAB Tun Dr Mahathir Mohammad	Aras 7, 8 dan 10 Menara PNM	7,417
9	Julai	Pameran Monograf Sempena Pertabalan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia YDPA ke-16 Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah	Lobi Aras 7, Menara PNM	2,835
10	Ogos	Pameran Monograf Bertema: Semarak Merdeka sempena Hari Kemerdekaan ke-62 dan Hari Kebangsaan. 'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih'	Aras 7, Menara PNM	9472
11	September	Pameran Eksplorasi Ilmu Siri 9: Bahasa Merentas Desa: Kerana Bahasa Ku Jatuh Cinta!	Aras 7, Menara PNM	7756
12	Oktober	Pameran Eksplorasi Ilmu Siri 10 : Perpaduan Dalam Kepelbagaian : Raihan Deepavali	Aras 7, Menara PNM	6191
13	November	Pameran Eksplorasi Ilmu Siri 11: Explorasi Destinasi Malaysia: Menjejak Destinasi Istimewa Sempena Tahun Melawat Malaysia 2020	Aras 7, Menara PNM	6051
14	Disember	Pameran Eksplorasi Ilmu Siri 12: STEM - Sains dan Teknologi Seiring Inovasi	Aras 7, Menara PNM	6521
15	September - Disember	Pameran Sasterawan Negara	Aras 8, Menara PNM	15533



Bicara Harvard





Explorasi Malaysiana Syoknya Cuti Sekolah



Karnival Intelektual @PNM Kuasai Ilmu Kuasai Dunia



Majlis Malam Baca Puisi Dunia 2019



Mari Belajar Bahasa Melayu





Pameran Sasterawan Negara



Semarak Merdeka PNM



Pesta Ria@PNM sempena Program Singgah Santai Bil.3/2019





## PUSAT KEBANGSAAN MANUSKRIP MELAYU

Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM) merupakan nadi penting bagi pemeliharaan dan kelangsungan khazanah warisan intelektual negara selain menjalankan fungsi asasnya sebagai repositori pengumpulan dan pelestarian manuskrip

Melayu kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa. Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu juga turut menjadi pusat penyelidikan utama di rantau ini berhubung pemikiran dan ketamadunan bangsa Melayu silam.

### Fungsi :

- Pengesanan manuskrip Melayu, perolehan dan pemuliharaan manuskrip Melayu
- Pendokumentasian Katalog Deskriptif Katalog Induk
- Menyediakan perkhidmatan rujukan dan penyelidikan dalam dan luar Negara
- Promosi, Penerbitan dan Pameran dalam dan luar Jabatan.

### Program/Aktiviti Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu

Bil.	Wacana/Seminar/Persidangan/Pameran	Tarikh	Sasaran
1.	Wacana Manuskrip Melayu Bil.1/2019 <i>Istinggar Dalam Manuskrip Melayu: Tradisi Ilmu dan teknologi Minangkabau</i>	4 April 2019	Masyarakat umum, penyelidik, dan pelajar
2.	Wacana Manuskrip Melayu Bil.2/2019 <i>Ilmu Perkasihan Melayu Tradisional : Kumbang VS Bunga</i>	31 Julai 2019	Masyarakat umum, penyelidik, dan pelajar
3.	Wacana Manuskrip Melayu Bil.3/2019 <i>Silat Hang Tuah</i>	24 September 2019	Masyarakat umum, penyelidik, dan pelajar
4.	Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu <i>"Aksara, Naskhah dan Tamadun Alam Melayu"</i>	15-17 Oktober 2019	Masyarakat umum, penyelidik, dan pelajar
5.	Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu <i>"Aksara, Naskhah dan Tamadun Alam Melayu"</i>	Oktober-November 2019	Masyarakat umum, penyelidik, dan pelajar
6.	<i>Program School Library Attack</i>	20 Ogos 2019 dan 6 September 2019	Pelajar Sekolah

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bersama panel pembentang Wacana Manuskrip Melayu Bil.2/2019 Ilmu Perkasihan Melayu Tradisional: Kumbang VS Bunga



Ketua Pengarah Pnm  
Bersama Pembentang  
dan Peserta bagi Program  
Wacana yang Diadakan  
pada 31 Julai 2019



Wacana Manuskrip Melayu Istinggar dalam Manuskrip Melayu: Tradisi Ilmu dan Teknologi Minangkabau pada 4 April 2019



Wacana Manuskrip Melayu Silat Hang Tuah pada 24 September 2019



Aktiviti Bacaan Naskhah Lama Program School Library Attack





## BAHAGIAN SUMBER ELEKTRONIK (BSE)

### Fungsi :

- Merancang, mengurus dan menyelaras perkhidmatan maklumat audiovisual dan sumber elektronik;
  - Perkhidmatan sumber elektronik (pangkalan data komersial tempatan dan luar Negara)
  - Perkhidmatan audio dan video on demand
  - Perkhidmatan audiovisual
  - Perkhidmatan perisian interaktif
- Mengurus perkhidmatan rujukan dan penyelidikan tentang maklumat audiovisual dan sumber elektronik
- Merancang, mengurus dan melaksana penyelarasan pembinaan dan penyenggaraan koleksi audiovisual dan sumber elektronik
- Merancang, mengurus dan mengendalikan pendidikan kakitangan berkaitan perkhidmatan audiovisual dan sumber elektronik
- Merancang, mengenalpasti keperluan dan perolehan alat pandang dengar jabatan
- Merancang, mengurus dan melaksanakan penyenggaraan perkakasan dan peralatan alat pandang dengar jabatan
- Mengurus dan melaksanakan rakaman fotografi dan video untuk rujukan jabatan
- Mengurus dan mendokumentasi bahan rakaman fotografi dan video untuk rujukan jabatan
- Mengurus dan menyelaras bekalan pejabat (audio visual secara berpusat) jabatan.

Bahagian Sumber Elektronik (BSE) memberikan perkhidmatan yang berteraskan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ICT seperti berikut:

- a) Perkhidmatan Samsung Smart Library
- b) Perkhidmatan Zon Siber
- c) Perkhidmatan Pusat Hipermedia Dewasa
- d) Perkhidmatan Sudut Maklumat OKU

### Statistik Penggunaan Perkhidmatan Bahagian Sumber Elektronik pada tahun 2019

BIL.	PERKHIDMATAN	JUMLAH
1.	Hipermedia Dewasa	23,691
2.	Ipad Zon Siber	5,275
3.	Zon Siber	26,240
4.	Samsung Smart Library	19,498
5.	Sudut Maklumat OKU	302
6.	Perkhidmatan Perpustakaan Digital PNM	4,282,651

### Pelaksanaan Aktiviti Promosi BSE

BIL.	AKTIVITI PROMOSI	JUMLAH	PESERTA
1.	Bengkel	37	3,892
2.	Aktiviti Outreach	17	2,469
3.	Kuiz secara dalam talian	Setiap bulan	2,500
4.	Program Khusus	Industri Revolusi 4.0 (IR 4.0)	4,846
5.	Program untuk Golongan Keperluan Khas	Program Buku Untuk Mu	30



Perasmian Minggu Digital@PNM 2019 pada 23 Julai 2019





Pameran Interaktif Minggu  
Digital@PNM 2019 pada  
23 - 26 Julai 2019



Anugerah Video Kreatif u-Pustaka sempena Minggu Digital@PNM  
2019 pada 23 - 26 Julai 2019



Aktiviti Outreach Bersempena Program Jom Baca Bersama 10 Minit  
pada 23 April 2019



Program untuk Golongan Keperluan Khas - Program Buku Untuk Mu  
pada 12 September 2019



Bengkel Eksplorasi Perpustakaan Digital PNM - Fiesta Merdeka Pintar  
Kreatif pada 22 Ogos 2019



Promosi Koleksi AR sempena Minggu Digital@PNM 2019 pada  
23 - 26 Julai 2019



Aktiviti Outreach - Fiesta Merdeka Pintar pada 22 Ogos 2019





## PERPUSTAKAAN CAWANGAN DAN KOMUNITI



### BAHAGIAN PINJAMAN

Sejajar dengan usaha Perpustakaan Negara Malaysia dalam mewujudkan masyarakat Malaysia yang mengamalkan tabiat membaca dan mencintai ilmu pengetahuan, Bahagian Pinjaman sentiasa memastikan perkhidmatan pinjaman buku yang disediakan untuk pengguna dewasa dan kanak-kanak adalah berkualiti dan terkini. Mendepani kehendak pelanggan masa kini dan selaras dengan usaha membudayakan tabiat membaca, Bahagian Pinjaman juga lebih responsif dan proaktif

#### Fungsi

Fungsi utama Bahagian Pinjaman adalah menyediakan perkhidmatan pinjaman kepada pembaca berdaftar iaitu dari golongan dewasa dan kanak-kanak dengan cekap dan berkesan ke arah membina masyarakat berilmu dan berbudaya membaca.

dengan menyediakan pelbagai aktiviti galakan membaca dan galakguna perpustakaan yang lebih menarik dengan disertakan elemen media interaktif dan penggunaan gajet terkini. Usaha-usaha ini adalah selaras dengan falsafah Perpustakaan Negara Malaysia iaitu membina bangsa Malaysia berbudaya membaca dan cintakan ilmu melalui pembelajaran sepanjang hayat ke arah memartabatkan tradisi keilmuan.

#### Bahagian Pinjaman terbahagi kepada 4 unit iaitu:-

- (i) Unit Pinjaman Dewasa
- (ii) Unit Kanak-kanak
- (iii) Unit Pinjaman Berkelompok
- (iv) Unit Perpustakaan Komuniti

### Perkhidmatan Pinjaman

Bahagian Pinjaman menyediakan perkhidmatan pinjaman dan pemulangan kepada pengguna dengan menawarkan perkhidmatan Pinjaman Dewasa, Pinjaman Kanak-kanak,

Pinjaman Berkelompok dan Pinjaman di Perpustakaan Komuniti. Sepanjang tahun 2019, jumlah pinjaman dari pengguna adalah sebanyak 443,368 di mana pecahannya adalah seperti berikut:

PERKARA	PINJAMAN(NASKHAH)	PEMULANGAN(NASKHAH)	TEMPAHAN(NASKHAH)
Pinjaman Dewasa	130,123	122,349	88
Pinjaman Kanak-kanak	72,390	61,459	-
Pinjaman Berkelompok	189,990	107,242	-
Perpustakaan Komuniti	50,865	59,245	20
<b>JUMLAH</b>	<b>443,368</b>	<b>350,295</b>	<b>108</b>

### Keahlian Pinjaman Berkelompok

Perkhidmatan ini disediakan kepada institusi/jabatan yang tiada atau kurang peruntukan untuk perolehan koleksi bahan bacaan. Perkhidmatan ini bertujuan untuk memberi galakan dan sokongan kepada pertubuhan, persatuan, institusi, jabatan, kementerian, syarikat swasta, sekolah, institut pengajian tinggi

dalam usaha mereka menyediakan kemudahan membaca dan seterusnya memupuk minat membaca di kalangan orang ramai. Sehingga Disember 2019, keahlian Pinjaman Berkelompok telah meningkat kepada 670 ahli. Pertambahan ahli pada tahun 2019 adalah sebanyak 48 institusi.



## Perkhidmatan Perpustakaan Komuniti

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menerapkan kecemerlangan budaya ilmu kepada masyarakat dalam pembangunan negara, Perpustakaan Negara Malaysia telah mengambil inisiatif dengan mengadakan pelbagai aktiviti dan program untuk menarik minat masyarakat tempatan antaranya adalah dengan penubuhan Perpustakaan Komuniti.

Perpustakaan Komuniti berfungsi sebagai pusat maklumat setempat bagi memudahkan masyarakat mengakses bahan-bahan bacaan dan maklumat dengan mudah dan cepat di tempat-tempat tumpuan utama masyarakat bandar. Selain ini, perpustakaan komuniti juga menggalakkan dan memupuk amalan budaya membaca dengan membawa bahan-bahan bacaan dekat dengan masyarakat setempat di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

Pada tahun 2019, PNM telah memperkenalkan perkhidmatan perpustakaan komuniti yang baharu iaitu Perpustakaan Buku2u@ Radia Bukit Jelutong. Perpustakaan ini mula beroperasi pada 5 November 2019.

Dengan pertambahan perpustakaan komuniti ini, jumlah perpustakaan komuniti PNM telah meningkat kepada lima (5) buah perpustakaan komuniti seperti berikut:

- (i) Perpustakaan Komuniti AEON Mahkota Cheras (PKMC)
- (ii) Perpustakaan Komuniti AEON AU Setiawangsa (PKAU2)
- (iii) Perpustakaan Awam Bukit Damansara (PABD)
- (iv) Perpustakaan Komuniti Mini UTC Keramat Mall (PK Mini UTC Keramat)
- (v) Perpustakaan Buku2U@Radia Bukit Jelutong

## Aktiviti Galakan Membaca

Sepanjang tahun 2019, Bahagian Pinjaman telah melaksanakan aktiviti galakan membaca dan galak guna perpustakaan dengan kerjasama agensi-agensi luar seperti Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja Malaysia (MBBY), Kementerian Kesihatan Malaysia, KOSPEN, Perbadanan Kota Buku, ASWARA, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kolej Komuniti Selayang, Bank Rakyat, MDEC, KL Braille, Malaysian Book Publishers Association (MABOPA) dan banyak lagi.

Sebanyak 122 aktiviti galakan membaca telah diadakan pada tahun 2019 yang melibatkan pelbagai peringkat umur masyarakat. Pecahan aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Bil.	Aktiviti	Jumlah
1.	Skala Besar	1
2.	Skala Sederhana	3
3.	Skala kecil	73
4.	Lawatan	43
5.	Pameran	2

### Festival Sastera Kanak-Kanak 2019

Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Kota Buku, Majlis Buku Bergambar dan Malaysian Books Publishers Association telah menganjurkan program ini pada 4 hingga 6 Oktober 2019 bagi menarik lebih ramai pengunjung berkunjung ke Perpustakaan Negara Malaysia dan juga menyokong kepada perkembangan industri sastera dan karya kanak-kanak.

Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan jumlah pengunjung seramai 31,301 orang.

### Singgah Santai@PNM #Relakslah Dulu...

Program Singgah Santai @PNM Perpustakaan Negara Malaysia merupakan aktiviti berskala sederhana yang merupakan jenama baru aktiviti galakan membaca (peringkat dalaman PNM) yang melibatkan kerjasama bahagian-bahagian perkhidmatan selaras dengan usaha memberi galakan kepada pengunjung untuk mengunjungi dan menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan. Sepanjang tahun 2019, sebanyak tiga siri Program Singgah Santai telah diadakan iaitu pada 2 Mac 2019, 27 Julai 2019 dan 2 November 2019.


Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan daripada pelbagai golongan masyarakat. Jumlah keseluruhan pengunjung untuk semua siri program ini adalah seramai 21,305 orang.



**Koleksi**

Pada tahun 2019, jumlah koleksi di Bahagian Pinjaman (Pinjaman Dewasa dan Kanak-kanak) telah meningkat kepada 921,094 naskhah. Koleksi di Perpustakaan Komuniti turut meningkat kepada 98,997 naskhah. Ini menjadikan jumlah koleksi pinjaman Perpustakaan Negara Malaysia kepada 1,020,091 pada tahun 2019.

Jumlah peningkatan koleksi di sepanjang tahun 2019 adalah sebanyak 14,195 naskhah bahan. Pecahan peningkatan koleksi ini adalah seperti berikut:



Aktiviti-aktiviti menarik disediakan bagi Program Singgah Santai@PNM relaxlah dulu





Pelbagai aktiviti menarik disediakan sempena Festival Sastera Kanak-kanak yang telah dirasmikan oleh YB Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik



Sekitar Program dan Aktiviti Sempena Riang Ria Cuti Sekolah di PNM





## PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERLIS

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis merupakan salah satu bahagian tadbir urus PNM iaitu Bahagian Perpustakaan Cawangan dan Komuniti. Perpustakaan ini ditadbir oleh

Pengarah yang berjawatan Pustakawan S41/44 dan dibantu oleh 121 kakitangan.

### PENCAPAIAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERLIS PADA TAHUN 2019

#### Keahlian baharu, Pengunjung dan Pengguna


BIL.	PERPUSTAKAAN	KEAHLIAN			PENGUNJUNG			PENGGUNA		
		KANAK-KANAK	DEWASA	JUMLAH	KANAK-KANAK	DEWASA	JUMLAH	KANAK-KANAK	DEWASA	JUMLAH
1.	Negeri	1,944	1,615	<b>3,559</b>	17,715	108,867	<b>126,582</b>	14,498	94,983	<b>109,481</b>
2.	Perpustakaan Cawangan ( 3 buah)	463	833	<b>1,296</b>	23,305	36,651	<b>59,956</b>	18,907	27,345	<b>46,252</b>
3.	Perpustakaan Bergerak ( 3 buah)	598	38	<b>636</b>	11,803	1,171	<b>12,974</b>	10,043	1,467	<b>11,510</b>
4.	Perpustakaan Bestari	225	58	<b>283</b>	5,517	2,031	<b>7,548</b>	Nil	Nil	<b>Nil</b>
5.	Perpustakaan Desa (37 buah)	1,328	1,290	<b>2,618</b>	64,063	49,950	<b>114,013</b>	60,942	45,704	<b>106,646</b>
6.	Perpustakaan Pekan & Komuniti UTC Perlis	133	331	<b>464</b>	8,224	12,885	<b>21,109</b>	7,565	10,851	<b>18,416</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>4,691</b>	<b>4,165</b>	<b>8,856</b>	<b>130,627</b>	<b>211,555</b>	<b>342,182</b>	<b>111,955</b>	<b>180,350</b>	<b>292,305</b>	

#### Pinjaman Bahan, Pengguna ICT dan Bahan Dirujuk

BIL.	PERPUSTAKAAN	PINJAMAN BAHAN			PENGGUNA ICT			PENGGUNA			
		KANAK-KANAK	DEWASA	JUMLAH	KANAK-KANAK	DEWASA	JUMLAH	BUKU	MAJ	LAIN-LAIN	JUMLAH
1.	Negeri	5,978	10,637	<b>16,615</b>	7,102	43,998	<b>51,100</b>	14,498	29,020	2,850	<b>121,980</b>
2.	Perpustakaan Cawangan ( 3 buah)	8,985	12,055	<b>21,040</b>	10,542	17,150	<b>27,692</b>	18,907	1,663	904	<b>12,923</b>
3.	Perpustakaan Bergerak ( 3 buah)	13,029	2,771	<b>15,800</b>	447	555	<b>1002</b>	10,043	17,618	13,184	<b>50,380</b>
4.	Perpustakaan Bestari	Nil	Nil	<b>Nil</b>	4,283	1,108	<b>5,391</b>	Nil	299	0	<b>9,924</b>
5.	Perpustakaan Desa (37 buah)	57,022	53,201	<b>110,223</b>	32,494	30,481	<b>62,975</b>	60,942	29,298	22,333	<b>108,798</b>
6.	Perpustakaan Pekan & Komuniti UTC Perlis	3,394	4,049	<b>7,443</b>	2,088	1,661	<b>3,749</b>	7,565	1,252	221	<b>4,976</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>4,691</b>	<b>88,408</b>	<b>82,713</b>	<b>171,121</b>	<b>56,956</b>	<b>94,953</b>	<b>151,909</b>	<b>180,350</b>	<b>79,150</b>	<b>39,492</b>	<b>308,981</b>



## Kategori Perpustakaan



## Program Utama

### Program Utama

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis berusaha melaksanakan beberapa program pada setiap tahun dengan mengadakan program pembangunan sumber manusia untuk kakitangan. Selain itu, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis turut berusaha menyemarakkan budaya membaca

dikalangan masyarakat di negeri Perlis. Sebanyak 14 program telah dijalankan sepanjang tahun 2019. Antara program adalah seperti Pesta Buku dan Karnival, Jerayawara Keilmuan Malaysia-Thailand 1.0 "Aku dihatimu" 2019, Pesta Angin Timur dan sebagainya.

## Program Sampingan

Sepanjang tahun 2019 sebanyak 9 program berskala kecil yang telah dilaksanakan bagi mempromosikan budaya membaca. Program-program ini adalah anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan juga kerjasama dengan lain-lain jabatan

di negeri ini. Program yang dilaksanakan adalah seperti Kem Membaca Malaysia, Program Bersama-sama Perpustakaan Kanak-kanak, Bengkel Teater Kanak-kanak dan lain-lain lagi.

## Pameran, Promosi dan Kempen Daftar Ahli

Pameran, Promosi dan Kempen Daftar Ahli dijalankan atas permintaan agensi dan jabatan dan sekolah-sekolah di negeri Perlis. Pelbagai pengisian menarik antaranya Pameran Rangkaian Perpustakaan, Pameran Buku, Sudut Permainan

Ilmu, Jejak Maklumat, Kempen Daftar Ahli dan lain-lain turut diadakan. Pada tahun 2018, sebanyak 26 siri Pameran, Promosi dan Kempen Daftar Ahli telah dijalankan.



## Latihan dan Khidmat Nasihat

Selaras dengan fungsinya juga, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis turut terlibat dalam menyediakan bengkel serta latihan kepada jabatan atau organisasi yang berkeperluan. Sebanyak 13 sesi latihan yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2019. Antaranya Ceramah Pengucapan Awam, Bengkel Literasi Maklumat, Program Motivasi Pelajar UPSR dan SPM, Panduan Pencarian Maklumat Siri 1/2019, Pencarian Maklumat U-Pustaka Lawatan Sambil Belajar Sek. Keb.Utan Aji dan lain-lain lagi.

Program pembangunan sumber manusia untuk kakitangan turut diadakan sama ada yang disediakan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis atau jemputan agensi luar bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kakitangan dalam bidang kepustakawanan atau bidang lain yang berkaitan dengan tugas seharian di jabatan. Sebanyak 41 latihan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019.

## Lawatan

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis turut menerima 43 siri lawatan berpandu dan rasmi dari dalam dan luar negeri. Dalam sesi lawatan ini, peserta dibawa melawat sekitar

perpustakaan, penerangan tentang perpustakaan dan juga menjalankan aktiviti yang bersesuaian seperti Ceramah, Info Hunt, Kraftangan dan Aktiviti Sudut Permainan Ilmu.

## Kerjasama Strategik


Sesuatu yang amat membanggakan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis apabila Majlis Menandatangani MoU Program Pembangunan Pusat Sumber Sekolah pada 2 Oktober 2017 antara Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Perlis telah berjaya

dimeterai di SK Padang Keria. Melalui perjanjian ini, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis akan menjalankan kerjasama strategik dalam tiga perkara iaitu khidmat bantu bahan, kepakaran dan networking di 21 buah sekolah dalam projek Pembangunan Pusat Sumber Sekolah (PSS).

## Program/Aktiviti 2019

Berikut adalah jumlah aktiviti dan khalayak yang menyertai program/aktiviti di setiap rangkaian perpustakaan, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis pada tahun 2019 yang disasarkan kepada golongan kanak-kanak di bawah umur 6

tahun dan prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, IPT, penjawat awam, keluarga/komuniti dan golongan berkeperluan khas.





## PERPUSTAKAAN DIGITAL NEGARA



### BAHAGIAN RANGKAIAN SISTEM PERPUSTAKAAN

#### Fungsi

- Merancang, mengurus dan memantau perkhidmatan system u-Pustaka serta menjadi urus setia bagi mesyuarat-mesyuarat berkaitan u-Pustaka.
- Merancang dan memantau pangkalan data, modul serta sistem perpustakaan bersepadu (ILS) Jabatan dan memantau aksesibiliti pangkalan data yang dilanggan.
- Merancang dan memberi khidmat nasihat, bantuan teknikal dan latihan berkaitan ILS, sistem RFID, sistem repository digital, aplikasi lain berkaitan perpustakaan serta menjalankan R&D kepada sistem dan aplikasi terkini.

#### Perkhidmatan u-Pustaka

u-Pustaka menyediakan pelbagai kandungan digital secara dalam talian seperti e-buku, e-majalah, e-jurnal dan lain-lain lagi yang memudahkan pengguna meminjam buku tanpa perlu lagi ke perpustakaan. Pengguna hanya perlu mendaftar di [www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my) dan perkhidmatan ini ditawarkan secara percuma kepada seluruh rakyat Malaysia.

Pada tahun 2019, perkhidmatan u-Pustaka diperluaskan lagi dengan penyertaan 4 Perpustakaan Awam Negeri (PAN) baharu menjadikan jumlah keseluruhan 12 perpustakaan konsortium u-Pustaka. Perluasan perkhidmatan ini memberi banyak faedah kepada rakyat Malaysia membuat pilihan dan pinjaman kepada


koleksi fizikal secara lebih komprehensif dari 12 PAN. 4 ahli konsortium yang baharu adalah:

- Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka
- Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
- Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis
- Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu

Selain dari perluasan perkhidmatan, Portal u-Pustaka turut ditambahbaik dengan penambahan fungsi *OneSearch* dan menjadikan portal u-Pustaka sebagai gerbang maklumat koleksi perpustakaan di Malaysia. Pengguna u-Pustaka kini boleh membuat carian koleksi dari 130 buah perpustakaan konsortium melalui Katalog Induk Kebangsaan.

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 174 aktiviti promosi perkhidmatan u-Pustaka telah dilaksanakan di pelbagai Kementerian/Jabatan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi, sekolah-sekolah dan juga di beberapa program serta karnival yang dianjurkan di seluruh negara. Selain daripada itu, u-Pustaka turut menerima peruntukan di bawah Akaun Amanah Projek Infrastruktur Jalur Lebar Negara, Kementerian Komunikasi dan Multimedia bagi penganjuran program berikut:

- Larian Ulat Buku u-Pustaka
- Pertandingan Video Kreatif u-Pustaka
- Anugerah u-Pustaka
- Galeri Data dan Sudut Pengalaman u-Pustaka





### 🌸 Sistem Perpustakaan Bersepadu PNM (Virtua)

Projek menaiktaraf perkakasan dan perisian Sistem Pengurusan Perpustakaan (Virtua) telah dilaksanakan pada tahun 2019. Kerja-kerja migrasi server fizikal ke dalam virtual machine (VM) selesai pada 27 November 2019. Seterusnya, Sistem Pengurusan Perpustakaan (Virtua) versi 16.0.SP3 dinaiktaraf ke versi terkini

iaitu 16.2.SP2 dan selesai pada 1 Disember 2019. Modul OPAC (*Online Public Access Catalogue*) PNM turut dinaik taraf dari versi 2.0.SP1 kepada versi 3.3.SP2 bagi memastikan antaramuka dan pencarian maklumat yang lebih mesra pengguna.


### 🌸 Khidmat Nasihat dan Pembangunan Sistem KOHA

Pada sepanjang tahun 2019, sebanyak 5 agensi mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan teknikal berkaitan sistem perpustakaan bersepadu KOHA telah dilaksanakan oleh BRSP. Antara perpustakaan / institusi yang telah diberikan khidmat nasihat / bantuan teknikal dalam membangunkan sistem perpustakaan bersepadu KOHA di sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut:

- i. ICAN College
- ii. Kolej Komuniti Bandar Baharu, Kulim
- iii. Jabatan Kebajikan Masyarakat
- iv. Malaysia Industrial Development Finance Berhad (MIDF)
- v. Perpustakaan SPRM, Putrajaya

Selain itu, PNM juga telah melaksanakan beberapa siri TOT (*Transfer of Technology*) dan kursus modul KOHA kepada 24 agensi yang memohon.

#### **Siri TOT (*Transfer of Technology*) dan kursus modul KOHA kepada 24 agensi**



Aktiviti Promosi u-Pustaka Sepanjang Tahun 2019



Larian Ulat Buku u-Pustaka pada 31 Mac 2019 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur



Promosi u-Pustaka Sempena Festival Sayangi Lahad Datu dari 2 - 4 Ogos 2019 di Dataran Lahad Datu, Sabah



Promosi u-Pustaka Sempena Program Kembara Digital Negara dari 23 - 24 November 2019 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan



Majlis Penyampaian Hadiah Pemenang Anugerah Tranformasi u-Pustaka (ATKU)



Promosi u-Pustaka di Parlimen Malaysia





## BAHAGIAN KANDUNGAN DIGITAL

Bahagian Kandungan Digital (BKD) diwujudkan pada tahun 2013 melalui penstrukturan semula Jabatan. Bahagian ini bertanggungjawab membangun kandungan digital Jabatan dan melaksanakan pendigitalan bagi koleksi Perpustakaan terpilih.

Aktiviti pendigitalan koleksi perpustakaan merupakan salah satu usaha yang berterusan untuk memelihara khazanah warisan negara dan menyediakan akses kepada sumber-sumber perpustakaan dengan lebih mudah dan cepat seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

### Fungsi

- Merancang, mengurus, menyelaraskan dan memantau pembangunan serta penyelenggaraan kandungan dan aktiviti digital Jabatan.
- Mengubah / mengemaskini dasar, garis panduan serta standard berkaitan pendigitalan / kandungan digital serta memberi khidmat berkaitan pendigitalan

## Projek Pendigitalan di Bawah Projek Pembangunan u-Pustaka Sebagai Hub Maklumat Negara dalam Projek ICT RMK-II (RP2)

- PNM telah melaksanakan Projek Pendigitalan Koleksi Perpustakaan di bawah Projek Pembangunan u-Pustaka sebagai Hub Maklumat Negara dalam Projek ICT RMK-11 (RP2) yang merangkumi perkakasan ICT, aplikasi, sistem repositori digital PNM dan perkhidmatan migrasi data serta pendigitalan koleksi.
- Projek pendigitalan ini mengandungi 2 komponen utama iaitu Perkhidmatan Pendigitalan dan Pembangunan Sistem Repositori Digital (MyRepositori).
  - (a) Perkhidmatan Pendigitalan  
Pendigitalan bahan perpustakaan yang melibatkan 4 jenis koleksi dengan jumlah keseluruhan sebanyak 1,772,210 muka surat yang terdiri dari Koleksi Manuskrip Melayu, Koleksi Negara, Koleksi Surat Khabar (Mikrofilem) dan Koleksi Nadir/Peribadi.

### Rajah 1 : Statistik Pendigitalan bagi Projek Pendigitalan di bawah Projek Pembangunan u-Pustaka Sebagai Hub Maklumat Negara

Berikut adalah statistik pendigitalan sehingga Disember 2019 untuk Projek Pendigitalan di bawah Projek Pembangunan u-Pustaka Sebagai Hub Maklumat Negara.

Bil.	JENIS BAHAN	JUDUL	MUKA SURAT
1.	Koleksi Negara	61	15747
2.	Koleksi Peribadi	1330	154931
3.	Koleksi Nadir	894	205102
4.	Manuskrip	1582	146565
5.	Mikrofilem	688	527796
6.	Mikrofis	240	13072
<b>Jumlah</b>		<b>4795</b>	<b>1063213</b>



## (b) Sistem Repositori Digital (MyRepositori)

MyRepositori adalah platform untuk menyimpan khazanah intelektual negara dalam format digital bagi memastikan dapat diakses tanpa sempadan dengan menggunakan teknologi terkini.

## Fungsi MyRepositori

- Memperkayakan kandungan digital tempatan untuk menggalakkan penggunaan dan memudahkan capaian kepada sumber ilmu pengetahuan
- Menyediakan perkhidmatan sumber digital kepada seluruh rakyat Malaysia melalui portal uPustaka
- Menyediakan metadata bagi pembangunan maklumat digital
- Menyediakan platform kepada agensi yang berkolaborasi dengan PNM bagi memperkayakan sumber digital tempatan

## Impak kepada Pengguna dan Jabatan

## (a) Pengguna

- Sumber carian setempat (one search) dari portal uPustaka memudahkan akses carian sumber digital dan menjimatkan masa,
- Sumber carian yang tulen di mana maklumat yang didapati adalah sah,
- Akses alternatif kepada pengguna berbanding berkunjung ke perpustakaan

## (b) Jabatan

- Sistem yang dibina dapat memantau aliran proses pendigitalan sehingga boleh diakses kepada pengguna
- Memelihara kandungan tempatan dan menyediakan konten digital supaya dapat diakses secara global
- Memastikan jabatan sentiasa selari dengan kehendak teknologi semasa terutamanya dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0)

## Pendigitalan Koleksi Perpustakaan

**Rajah 2: Statistik Pendigitalan Koleksi Perpustakaan Jenis Bahan, Judul dan Muka Surat Yang Didigitalkan Bagi Tahun 2019**

BIL	JENIS BAHAN	JUDUL	MUKA SURAT
1.	Terbitan Jabatan		
	(a) Jurnal Fiologi Melayu	15	2,432
	(b) Sekitar Perpustakaan	6	348
2.	Koleksi Jabatan		
	(a) Koleksi Peribadi	3	968
	(b) Buku Nadir	64	8,836
	(c) Manuskrip Melayu	34	4,362
	(d) Koleksi Negara	59	16,217
	(e) Seminar/Kertas Persidangan	0	0
	(f) Keratan Surat Khabar/Majalah/Jurnal		
	(i) Umum	0	0
	(ii) Berkaitan Jabatan, Pembacaan & Kepustakawanan	0	0
	(g) Pempakejan Maklumat	0	0
	(h) Foto	1	29
	(i) Koleksi Fana (Sampul Surat Hari Pertama)	0	0
	(j) Bahan AV	0	0
	(k) Projek Khas	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>182</b>	<b>33,192</b>



## Pencapaian Pendigitalan Kumulatif

Pencapaian pendigitalan kumulatif koleksi perpustakaan sehingga tahun 2019 adalah seperti berikut :

Bil.	PENDIGITALAN	JUDUL	MUKA SURAT
1	<i>In-house</i>	57,592	1,861,339
2	Projek Pendigitalan (RMK-11)	8,549	1,697,253
<b>Jumlah</b>		<b>66,141</b>	<b>3,558,592</b>

\*Nota : Pencapaian pendigitalan kumulatif pendigitalan koleksi perpustakaan adalah bermula tahun 2002 - Disember 2019.

## Kiosk Digital PNM

Sebagai inisiatif untuk memperbanyak bahan digital dalam kiosk digital@PNM untuk tujuan aktiviti promosi, penambahan sebanyak 150 judul bahan dalam format *flipping book* ke dalam Kiosk Digital PNM iaitu 50 judul bagi Koleksi Manuskrip Melayu, 50 judul Koleksi Nadir dan 50 judul Koleksi Peribadi. Menjadikan jumlah keseluruhan yang terdapat dalam Kiosk Digital PNM adalah sebanyak 1,614 judul.



## Perkhidmatan e-Book Beacon Zone

Malaysia merupakan salah satu negara yang menjadi tumpuan utama pelancong. Antara inisiatif Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) bagi menyokong industri pelancongan adalah mewujudkan perkhidmatan *e-book* / buku elektronik menggunakan teknologi *Internet of Things (Beacon)* kepada pelancong sempena Visit Malaysia 2020 (VM2020). Penyediaan perkhidmatan *e-Book Beacon Zone* melalui fasiliti *Smart Tourism* amat berguna kepada pelancong dan juga rakyat Malaysia bagi membolehkan mereka memuat turun bahan-bahan mengenai negara di dalam bentuk digital ke dalam telefon pintar peribadi mereka.

### Objektif


- Menyebarluaskan maklumat dan informasi mengenai Malaysia untuk tujuan pelancongan kepada pelancong asing.
- Menyokong kempen Dekad Membaca Kebangsaan dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan cintakan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat.
- Menyahut seruan kerajaan dalam melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu dan bermaklumat yang berkualiti.
- Meningkatkan minat membaca di kalangan rakyat Malaysia.

### Lokasi Pekhidmatan e-Book Beacon Zone

Terdapat sepuluh (10) lokasi penempatan perkhidmatan *e-Book Beacon Zone* di kawasan yang terdapat tumpuan para pelancong dan masyarakat tempatan.

Antara lokasi adalah seperti berikut:

- KL Bird Park
- Muzium Negara
- Masjid Putra
- MOTAC
- KL City Walk
- Melaka River Cruise
- Institut Jantung Negara
- Central Market / Pasar Seni
- Kompleks Kraf
- Stesen Sentral / KL Sentral



Konsep pelaksanaan perkhidmatan terdapat dalam 4 komponen:

### 1. Beacon Technology

Beacon adalah alat kecil tanpa wayar menggunakan teknologi *Bluetooth Low Energy* (atau juga dikenali sebagai Beacon Bluetooth 4.0). Pengguna yang mempunyai aplikasi Reader akan mendapat notifikasi dan mengakses kepada *e-book* melalui telefon pintar mereka apabila mereka melalui kawasan yang terdapat *Beacon*

### 2. Beacon Geo-fencing Technology

Pengguna hanya perlu memuat turun maklumat/buku yang dibenarkan akses kepada katalog yang ditetapkan melalui *beacon geo-fencing*. Talian internet atau WiFi diperlukan untuk tujuan muat turun *e-book*. *E-Book* akan dimuat turun dan terus tersimpan di dalam peranti pintar mereka dan boleh dibaca tanpa memerlukan sebarang talian internet.

### 3. Kandungan e-Book

Anggaran langganan *e-book* sebanyak 200 judul dalam bidang *tourism, history, art, culture, heritage, health* dan sebagainya (bergantung kepada lokasi) bagi membolehkan mereka memuat turun bahan-bahan di dalam bentuk digital ke dalam telefon pintar peribadi mereka.

### 4. Aplikasi / Platform Perkhidmatan e-Book

Aplikasi yang disediakan membolehkan pengguna meminjam *e-book* kepada peranti masing-masing dengan syarat berada di lokasi tersebut. Data keselamatan pengguna berdaftar dilindungi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi.

Dengan adanya perkhidmatan ini dapat menyokong dan menyemarakkan lagi KLBBC 2020 di samping memberi manfaat kepada semua pengunjung dan pelancong ke Malaysia.






## BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK DIGITAL

### Fungsi

- Merancang, mengurus dan memantau pelaksanaan projek-projek baharu berkaitan perpustakaan digital serta menyelaras dan melaksana penilaian projek melalui kajian impak.
- Merancang dan melaksana program latihan berkaitan projek perpustakaan digital serta menjalin hubungan dan kerjasama

### PORTAL vShare

Portal VShare merupakan sistem pengurusan pengetahuan yang menjadi medium perantara yang digunakan oleh semua kakitangan di PNM untuk mengumpul dokumen dari pelbagai sumber, meningkatkan kualiti kebolehcapaian maklumat dan perkongsian ilmu di PNM.

#### a) Statistik Penggunaan dan Aktiviti Pembudayaan vShare

Statistik perkongsian maklumat yang terkumpul di Portal VShare dari sehingga 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Jumlah Dokumen	:	5,474
Jumlah Foto	:	4,336

#### b) Aktiviti Pasukan Pengurusan Pengetahuan PNM

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 adalah merangkumi:

- Galakkan penggunaan sistem pengurusan pengetahuan melalui hebahan e-mel kepada warga PNM iaitu "**Pengguna Aktif vShare**" pada setiap bulan mulai Januari 2019.
- Latihan serta taklimat:
  - **Sharepoint Web Developer Training** telah diadakan pada 15-16 Januari 2019 dan dihadiri oleh 16 orang peserta dari semua pasukan. Latihan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai PNM asas pembangunan laman Web di *Sharepoint*.
  - **vShare System Administrator Training** telah diadakan pada 12 Mac 2019 dan dihadiri oleh 10 orang. Latihan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai PNM akan peranan pentadbir system Portal vShare.
  - **Workflow Training** telah diadakan pada 15-18 Julai 2019 dan dihadiri oleh 12 orang peserta yang mewakili Pasukan ICT serta Pembudayaan dan Taxonomi. Latihan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai PNM cara mewujudkan proses kerja dalam *Sharepoint*.

dengan perpustakaan / institusi luar berkaitan perpustakaan digital.

- Menyelaras pemasaran dan promosi projek perpustakaan digital baharu serta menjadi penyelaras kepada pendedahan teknologi baharu berkaitan perpustakaan digital.

- Lawatan penandaarasan ke MIDA** yang disertai seramai 14 orang kakitangan pada 11 April 2019. Lawatan ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan terbaik dalam penggunaan sistem pengurusan pengetahuan di MIDA yang boleh dilaksanakan di PNM.

Gambar sekitar aktiviti-aktiviti Pasukan Pengurusan Pengetahuan sepanjang 2019:



## Technology Update

Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) bermula pada tahun 2016 dengan penemuan pelbagai teknologi baharu yang menggunakan automasi, analisis dan *big data*, simulasi, integrasi sistem, robotik, *cloud*, *Internet of Things (IoT)*, *quantum computing* dan *artificial intelligence (AI)*. Ia merupakan cabaran baharu kepada semua sektor perkhidmatan di Malaysia yang memerlukan kita melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital untuk kekal berdaya saing dan merencanakan kemajuan lanskap dunia moden.

Wikidata, *beacon*, *face recognition* dan *blockchain* merupakan contoh teknologi yang digunakan secara luas di negara maju. Pemahaman yang jelas mengenai teknologi yang kompleks ini akan memberikan manfaat kepada semua Pustakawan di dalam dan luar Jabatan untuk meningkatkan perkhidmatan perpustakaan yang lebih inovatif, kreatif dan efektif dari penggunaannya secara holistik.

PNM giat mengatur strategi bersama semua pihak yang berkaitan dan berpotensi dalam menyokong perkhidmatan perpustakaan di Malaysia agar kita lebih bersedia meningkatkan lagi (*upgrading* dan *upskilling*) sumber manusia selaras dengan perkembangan teknologi pintar masa kini.

Bahagian Pengurusan Projek Digital (PMO Digital) bertanggungjawab untuk menyelaras pendedahan teknologi baharu (*technology talk and update*) berkaitan perpustakaan digital untuk semua pustakawan dan pengurus maklumat di Malaysia agar bersedia dalam menghadapi transisi Industri 4.0.


Pada tahun 2019, PMO Digital telah menganjurkan sebanyak 2 program untuk pendedahan kepada teknologi baharu (*technology talk and update*) iaitu:

a) **Uniquizz Awareness Programme: Leverage Micro Learning Technology In The Era of IR 4.0** telah diadakan pada 22 Januari 2019. Program ini memberi pendedahan kepada peserta berkenaan aplikasi Uniquizz. Uniquizz ialah aplikasi latihan menggunakan peranti mudah alih. Aplikasi ini membolehkan pengetahuan yang kompleks diolah dan dapat diakses dalam bentuk pembelajaran moden yang lebih produktif, menarik dan dapat menghubungkan kepada maklumat lain. Wakil syarikat juga menyediakan sesi hands-on untuk memberikan pengalaman baharu menggunakan aplikasi berkenaan dari telefon pintar peserta. Perpustakaan dapat mempelbagaikan aktiviti kepada pengguna dengan menggunakan aplikasi ini. Seramai 31 orang dari pelbagai perpustakaan telah menghadiri program ini dengan jayanya.

b) **Program Technology Talk & Update: Perpustakaan Penggerak Perkhidmatan Pintar** telah diadakan pada 1 & 2 Ogos 2019. Program ini memberi pendedahan kepada peserta berkenaan teknologi Blockchain, Wiki Malaysia & Wikidata, *Security & Beacon Technology* dan *Institutional Respository (IR) & Identity Provider (IDP)*. Pendedahan ini dapat memberikan idea kepada peserta untuk menambahbaik perkhidmatan perpustakaan sedia ada seiring dengan peredaran masa melalui pengalaman, pelaksanaan dan perkongsian daripada penceramah jemputan. Program ini juga menyediakan platform kepada peserta untuk mendapatkan jaringan kepada produk-produk berteknologi seperti *programming & robotic* dan sistem pengurusan pengetahuan, kandungan digital & perkhidmatan pendigitalan. Seramai 151 orang dari pelbagai perpustakaan telah menghadiri program ini dengan jayanya.







# SISTEM PENGURUSAN KUALITI



## MS ISO 9001:2015

Jabatan telah berjaya memperoleh Sijil MS ISO 9001:2015 pada 14 Mac 2019. Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 telah dijalankan oleh badan persijilan iaitu daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. selama tiga (3) hari pada 6 hingga 8 Mac 2019.

Mesyuarat Pembukaan dan Penutup Audit Pensijilan Semula telah dilaksanakan pada 6 dan 8 Mac 2019 bertempat di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Kedua-dua mesyuarat ini telah dihadiri oleh semua warga PNM. Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Puan Maizan binti Ismail, Timbalan Ketua Pengarah selaku Wakil Pengurusan PNM. Tiga

(3) orang juruaudit daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah hadir iaitu Encik Mohd Nasim Zakaria, Dr. Montaj Mustakim dan Puan Hawa Ma'arof.

Objektif audit ini adalah untuk mendapatkan pensijilan semula MS ISO 9001:2015 setelah PNM berjaya menaik taraf sijil daripada MS ISO 9001:2008 kepada MS ISO 9001:2015 pada 24 Mei 2018 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah mengeluarkan sijil MS ISO 9001:2015 kepada PNM yang sah laku sehingga 8 April 2022.



Sesi Pengauditan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

**VISI**  
Pemacu perkhidmatan perpustakaan dan maklumat negara bertaraf dunia

**MISI**  
Memperkasa perkhidmatan perpustakaan dan maklumat berkualiti serta memelihara khazanah intelek negara bagi membentuk masyarakat berilmu



**OBJEKTIF KUALITI**

1. Memastikan bahan perpustakaan yang diterima bawah Akta 331 didaftar dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan dari tarikh terima dengan varian 15%.	2. Memastikan bahan perpustakaan yang diterima bawah Akta 331: i. Bahan monograf - didokumentasikan dalam tempoh tidak melebihi bulan (6) bulan setelah didaftar dengan varian 15%. ii. Bahan terbitan bersiri, bahan sumber media & bahan cetak bukan buku - Didokumentasi dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan dengan varian 10%.	3. Menyediakan perkhidmatan kepada penerbit dalam tempoh segera berikut selepas permohonan lengkap diterima: i. Tidak melebihi satu (1) hari bekerja bagi permohonan ISBN/ISSN dan kod jalur. ii. Tidak melebihi tiga (3) hari bekerja bagi permohonan data Pengkatalogan dalam Penerbitan dengan varian 20%.
4. Memastikan peruntukan tahunan dibelanjakan untuk perolehan bahan terbitan dengan varian sebanyak 5%.	5. Menyediakan bahan yang diperolehi melalui pembelian dan hadiah/ pertukaran untuk penggunaan pelanggan dalam tempoh masa seperti berikut selepas diterima: i. Tidak melebihi dua (2) bulan bagi bahan Malaysia dan bukan Malaysia dengan varian 20%. ii. Tidak melebihi enam (6) bulan bagi bahan koleksi khas dengan varian 20%.	6. Memastikan pemeliharaan koleksi khazanah negara dilaksanakan mengikut standard yang diterima pakai dan pemeriksaan dilakukan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.
7. Memastikan bahan perpustakaan perolehan baru tersedia di atas rak untuk penggunaan pelanggan dalam tempoh berikut dari tarikh perolehan: i. Tidak melebihi 2½ bulan bagi bahan pembelian dan hadiah/ pertukaran. ii. Tidak melebihi 9½ bulan bagi bahan bawah serahan Akta.	8. Memastikan tempahan bahan oleh pembaca diberi maklum balas dalam tempoh dua (2) hari bekerja.	9. Memastikan pertanyaan rujukan diberi maklum balas dalam tempoh tidak lebih dari dua (2) hari bekerja.

**OBJEKTIF KUALITI**

10. Memenuhi sekurang-kurangnya 80% dari jumlah permohonan bahan perpustakaan oleh pelanggan dalam tempoh yang diperlukan.	11. Memastikan aduan pelanggan dapat diberi maklum balas dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.	12. Memastikan kerosakan kecil prasarana ICT diselesaikan dalam masa tiga (3) hari bekerja, manakala kerosakan besar diselesaikan dalam masa empat belas (14) hari bekerja dengan varian 20%.
13. Memberi latihan yang sesuai kepada kakitangan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun dengan varian 10%.	14. Memastikan Manuskrip Melayu dinilai dalam masa 3½ bulan selepas diterima daripada pembekal.	15. Memastikan proses pendokumentasian Manuskrip Melayu diselesaikan dalam masa enam (6) bulan selepas diperolehi.
16. Memastikan sekurang-kurangnya empat (4) Program Galakan Membaca Peringkat Kebangsaan dilaksanakan dalam setahun.	17. Memastikan sekurang-kurangnya 30 khidmat nasihat diterima pakai dalam tempoh setahun.	18. Memastikan sekurang-kurangnya 50 tawaran khidmat nasihat/ Perputakaan Desa dilaksanakan setahun.
19. Memastikan sekurang-kurangnya 90% aktiviti pablisiti pada setiap tahun berdasarkan Kalendar Aktiviti Jabatan.	20. Memberikan sekurang-kurangnya dua (2) terbitan ilmiah pada setiap tahun.	21. Memastikan statistik perpustakaan di Malaysia diterbitkan dalam tempoh sebelas (11) bulan pada tahun berikutnya.





PUSPANITA





## JAWATANKUASA EKSEKUTIF PUSPANITA

Penasihat	: <b>Dato' Nafisah Ahmad</b> (sehingga 5 Jun 2019) <b>Maizan Ismail</b> (mulai 6 Jun 2019)
Pengerusi	: <b>Fadhilah Aini Md Yusof</b>
Timbalan Pengerusi	: <b>Katrun Nada Haji Hashim</b> (sehingga 2 Januari 2019)
Setiausaha	: <b>Zalina Abdul Rahim</b>
Penolong Setiausaha	: <b>Nur Azura Che Noor</b>
Bendahari	: <b>Nor Azlin Shahamed</b>
Penolong Bendahari	: <b>Rokiah Mohd Kassim</b>
Biro Ekonomi	: <b>Suhaida Mohamad</b>
Biro Sukan	: <b>Hazeline Mohd Zain</b>
Biro Kebajikan	: <b>Zaiton Hassan</b>
Biro Sosial	: <b>Jamiliana Jamil</b>
Biro Agama	: <b>Effa Imtiaz Zainol</b>
Pemeriksa Kira-kira 1	: <b>Norsyaza Liyana Bunny Linoby</b>
Pemeriksa Kira-kira 2	: <b>Wan Maznah Mohd Khalil</b>

### Senarai Aktiviti Puspanita PNM 2019

#### 1. Jualan Sempena Program Singgah Santai PNM

Tarikh : 6 Mac & 6 Julai 2019  
Tempat : Perkarangan Parkir PNM

#### 2. Lavender Fun Run Tahun 2019

Tarikh : 23 Mac 2018  
Tempat : Goat2Go Farm Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) Serdang, Selangor @ Goat2Go Farm - MAEPS



**3. Program Sukarelawan untuk Program Umrah Jemaah Asnaf**

Tarikh : 25 - 26 April 2020

Tempat : Hotel De'Palma Ampang

**4. Majlis Khatam Al-Quran, Tazkirah Ramadan, Solat Dhuha, Solat Sunat Tasbih Berjemaah**

Tarikh : 27 Mei 2019

Tempat : Surau Mutmainnah MOTAC

**5. Jualan Sempena Program Festival Sastera Kanak-kanak**

Tarikh : 4 - 6 Oktober 2019

Tempat : Perkarangan Parkir PNM

**6. Lawatan ke Muzium DiRaja Kuala Lumpur Bersama PUSPANITA MOTAC**

Tarikh : 23 Ogos 2019

Tempat : Muzium DiRaja Kuala Lumpur



**7. The Legend Games sempena Festival Permainan Malaysia 2019**

Tarikh : 15 September 2019

Tempat : Muzium DiRaja Kuala Lumpur



**8. Eksplorasi Green Khaleefa @ Taman Negara, Pahang**

Tarikh : 18 – 20 Julai 2019

Tempat : Taman Negara Pahang




**9. Mesyuarat Agung Puspanita PNM kali Ke-6**

Tarikh : 11 November 2019

Tempat : Taman Negara Pahang





KELAB PNM





## Jawatankuasa Eksekutif Kelab Perpustakaan Negara Malaysia 2019/2021

Pada 29 Julai 2019 (Isnin) bertempat di Auditorium PNM bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-40 telah diadakan Pemilihan Jawatankuasa Eksekutif Kelab PNM yang

baharu bagi Sesi 2019/2021. Keanggotaan baharu Jawatankuasa Eksekutif Kelab PNM 2019/2021 adalah seperti berikut:

Encik Ali Rashid	Yang DiPertua
Encik Mohamad Sharizal Omar	Naib Yang DiPertua
Encik Charles Brilee	Setiasaha Kehormat
Puan Rabiah Mohd Ali	Penolong Setiasaha
Encik Muhammad Hisyamuddin Mohammed Noor	Bendahari Kehormat
Cik Rokiah Mohd Kasim	Penolong Bendahari
<b>Pengerusi Biro</b>	
Puan Anis Mat Saad	Biro Sosial
Encik Azizan Wahab	Biro Agama
Encik Akmal Shahmeen Ahmad Sabarudin	Biro Kebajikan
Puan Siti Shafarah Shamsudin	Biro Ekonomi
Encik Ibnu Ridzwan Zulkupli	Biro Sukan
Encik Wan Yuhaimisham Wan Yusoff	Biro Keahlian

### Keahlian Kelab PNM

Pada dasarnya Kelab PNM dianggotai oleh tiga (3) keahlian iaitu Ahli Kehormat, Ahli Biasa dan Ahli Bersekutu. Sehingga akhir Disember 2019, jumlah keseluruhan ahli Kelab PNM adalah seramai 410 orang.

### Pelaksanaan Pelbagai Aktiviti

Tahun 2019 merekodkan pelbagai pelaksanaan program dan aktiviti seperti sukan, keagamaan, kebudayaan, sosial, kemasyarakatan, kebajikan dan sebagainya. Ahli-ahli Kelab memberi maklumbalas dan penyertaan yang baik terhadap semua program dan aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab PNM. Ini membuktikan bahawa semangat perpaduan dan kekeluargaan dalam kalangan ahli Kelab PNM adalah kukuh walaupun terdapat perbezaan latar belakang, agama dan bangsa.



## Imbasan Program/Aktiviti

**Aktiviti : Mesyuarat Tahunan Kelab PNM ke-40**

Tarikh : 29 Julai 2019

Tempat : Auditorium PNM, Aras 2, Anjung Bestari



**Aktiviti : Jalan Mana@Kelab PNM Siri 1**

Tarikh : 12 hingga 13 Oktober 2019

Tempat : Kuala Pilah dan Port Dickson, Negeri Sembilan



**Aktiviti : Pesta Ria @PNM sempena Program Singgah Santai**

Tarikh : 2 November 2019  
Tempat : Perkarangan Premis PNM



**Aktiviti : Pertandingan Mobile Legend@PNM sempena Program Singgah Santai**

Tarikh : 2 November 2019  
Tempat : Auditorium PNM, Aras 2, Anjung Bestari PNM





**Aktiviti : MAKSWIP 2019**

Tarikh : 29 November – 1 Disember 2019

Tempat : Kangar, Perlis





PENULISAN





## Penulis Ulasan Sari Pustaka Tahun 2019

Bil. 1/2019

**Fatin Eleena binti Ab Rahim**

Rahsia Aura Wanita : Pencetus Kecemerlangan Cerminan Kewibawaan




**Azizan bin Wahab**

Reality Cara Kerja Di Australia

**Nur Fatin Shahirah binti Tajuddin**

S.E.M.P.U.R.N.A: Yang Tidak Sempurna, Tidak Semestinya Tidak Bahagia



**Fatin Hazwani binti Zaini**

Diet Tanpa Stres

**Jamiliana binti Jamil**

Maaf Suami Puan Kritikal : Catatan Hati Seorang Isteri




**Nor Azlin binti Sahamed**

Mutiara Ilmu Untuk Bakal Papa & Mama

**Muhammad Hisyamuiddin bin Mohamad Noor**

Pusat Sumber Maklumat Dalam Era Digital




**Nor Amin bin Maidin**

Komunikasi Warna (Siri Kenali Diri Kuasai Dunia)

**Zuraidah binti Sulaiman**

Amalan Pengurusan : Risiko Sukan dan Rekreasi



**Mohd Fadzli bin Zainudin**

Kisah Israk & Mikraj




Bil. 2/2019




**Nurul Athika binti Ahmad Amimar**

Ketahui Kesihatan Anda: 5 Langkah Untuk Mengawal Tekanan Darah Tinggi.

**Shahruhaida Adayu binti Mohd Paili**  
Amalan yang mengundang rahmat Allah




**Rosliza binti Ismail**  
Anak muda bebas hutang



**Mavis Viviena anak Alvin Morris**

PERAHU TRADISIONAL Warisan Seni Pesisir Terengganu



**Nurharlizani Binti Razami**  
Tragedi Berdarah di Christchurch:  
All Black Berdarah Menangani Persepsi Islamifobia



**Khairul Anwar bin Ismail**

Menyingkap Tabir misteri Ilmu Falak :Rahsia Allah di Langit dan di Bumi



**Fatin Athirah binti Masnoor**  
Kompilasi Dialog antara Penganut Agama YaPEIM 2013-2016



**Nor Azizah binti Sabihin**

Membedah P.Ramlee

**Noor Hasmayani binti Ali**  
Laki aku negro: kau peduli apa?



**Nor Shaharina binti Abdul Rahman**

Jangan Salah Pilih Kiblat Kejayaan: Strategi Jihad Bisnes



Bil. 3/2019



**Adam Zulkarnain bin Saleng**  
Puaka Bundle



**Wan Azuan Shah bin Wan Mohamed**  
#On9branding Branding Bukan Sekadar Nama



**Nor Hanni Nasha binti Mahmud**  
Sabah Dalam Hubungan Malaysia-Indonesia



**Zaiintan Muhaiza binti Zainuddin**  
Memohon Petunjuk Dengan Solat Istikharah



**Nor Azizah binti Sabihin**  
Perpustakaan Penggerak Peradaban

**Nasimah binti Badaruddin**  
Petua : Dari Meja Penulis




**Mohamad Zaki bin Yusof**  
Maharaja Napoleon Bonaparte: Jatuhnya Sebuah Empayar




**Mohamad Syahrul Nizam bin Md. Ishak**  
Generasi Milenium Malaysia: Menangani Perubahan dan Ketidaksamaan



**Noor Sinasuriatie binti Muhamad Alwi**  
Catatan Penglipur Lara Sang Majistret



**Faniza Akmal binti Muhaiyiddin**  
Menangani kesihatan cara holistik gastrik



Bil. 4/2019



**Akmal Fardhiana binti Muhamad**  
50 Tahun Filem Malaysia & Singapura (1930 - 1980)




**Noor Sinasuriatie binti Muhamad Alwi**  
Kemboja, Pertama Tuhan Kedua, Masyarakat



**Faridah binti Mustafa**  
Bangkit: Pujuklah Hati 4



**Zainun binti Maliki**  
SUAMI MEMIMPIN ISTERI MENGURUS: TAK FAHAM FAHAM...



**Haizatul Afni binti Bakhtiar**  
35 Cara Pengucapan Awam


**Noor Hazwani binti Warmal**  
Recep Tayyip Erdogan




**Ku Anis binti Ku Mat**  
Seadanya Kuterima




**Zaiintan Muhaiza binti Zainuddin**  
Menjadi Ulul Albab: Generasi Genius Bertaqwa



**Saiful Nizam bin Jamaludin**  
Tun Tuah: Wira dan Diplomat Terbilang



**Siti Martini binti Abu Bakar**  
3 Kertas, 3 Krayon, 3 Pensel Warna





TERBITAN PNM



## Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia

Pada tahun 2019, pelbagai kategori terbitan PNM sama ada buku, katalog dan jurnal telah dipromosikan melalui saluran media sosial PNM dan juga semasa penganjuran program dalam dan luar Jabatan seperti di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur. Hasil promosi sebanyak 672 naskah penerbitan telah berjaya dijual dengan hasil jualan iaitu sebanyak RM 18,929.63.


Selain penerbitan bahan fizikal, Perpustakaan Negara Malaysia turut menerbitkan bahan terbitan dalam talian bagi menggalakkan dan memudahkan penyebaran ilmu bukan hanya secara fizikal malah secara dalam talian.

### Terbitan Tahun 2019


#### Terbitan Bercetak



*Seksologi: Ilmu Perkasihannya Melayu*



*Kitab Tib: Ilmu Perubatan Melayu*



*Puisi Dalam Zaman Tidak Puitis*


#### Terbitan Dalam Talian



*Sekitar Perpustakaan*




*Buletin PNM*



*Sari Pustaka*




## Buku Jualan Terlaris 2019:




Puisi Dalam Zaman Tidak Puitis



Panduan RDA Malaysia



Kaedah Pembelajaran Jawi

Standard Entri Pengkatalogan Malaysia:  
Nama Badan SelembagaStandard Entri Pengkatalogan Malaysia:  
Nama Orang Perseorangan



# KERATAN AKHBAR



Tarikh tutup pertandingan Video Kreatif u-Pustaka dilanjutkan sehingga 31 Mac ini.

Pengarah Perpustakaan Digital Negara (PERDANA) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Nor O'baidah Abidin, berkata tarikh itu dilanjutkan bagi memenuhi permintaan daripada peserta.

"Penangguhan pertandingan video pendek ini atas permintaan orang awam kerana mereka berpendapat tempoh menyertai pertandingan itu terlalu singkat.

"Oleh yang demikian, mereka mencadangkan tarikh tutupnya dilanjutkan bagi memberi peluang lebih ramai peserta menghasilkan video pendek yang kreatif," katanya.

Pertandingan

bertemakan Utamakan Pengetahuan, Ingatlah u - Pustaka sehingga kini menerima 46 penyertaan. Pertandingan video kreatif itu menawarkan hadiah

keseluruhan berjumlah RM10,000. Untuk keterangan lanjut, orang ramai boleh ke laman sesawang u-Pustaka di [www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my).

# TARIKH TUTUP PERTANDINGAN VIDEO KREATIF DILANJUT



PELAJAR yang mengunjungi Perpustakaan Negara bergambar bersama poster Pertandingan Video Kreatif u-Pustaka yang dilancarkan melalui laman...

**ADUAN** BERSEKUTUAN SETIAP HARI DARI SANG HARIAN

**HEBAHAN**

Singgah Santiazi @PNM Siri 1/2019

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) akan mengadakan program Singgah Santiazi @PNM Siri 1/2019 bertemakan "Landscape Flora Cerdas Meronda" pada 2 Mac 2019 (Sabtu). Sebagai persembahan, buku dan alat bagi Penolong Pustakawan, Bahagian Komunikasi Korporat, PNM, Suwaina Razali di dalam 02-2987 1946. **Unit: Perkhidmatan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat, PNM**

BUKA 18

**Tutor A+ : Zon**

BUKA 18

**Jerayawara 'duta' Tutor A+ PNM ke seluruh negara**

Oleh WAHID HASHIM  
[perangin@dn.com.my](mailto:perangin@dn.com.my)

■ KUALA LUMPUR 29 SEPT

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) akan menggerakkan 'sistem' Tutor A+ ke seluruh negara bertujuan memperkasakan akses dan guna pakai laman web latih tubi itu melalui platform e-Pustaka.

Tindakan Pengarah PNM, Zahuddin Sider, membertitahu, data-data berkaitan ialah kukti pengetahuan bergalangan yang dibentangkan tambahan tentang portal latih tubi itu, yang akan menyerlah luas ilmu kepada pustakawan negeri dan daerah melalui penyawaan oleh Tutor A+.

"Bila itu bapa atau pelajar berkunjung ke perpustakaan dan melayari e-Pustaka, data-data Tutor A+ ini akan membina penguji yang 'mengembara' melalui e-Pustaka dan melayari Tutor A+, serta perkhidmatan lain yang ada di pangkalan data kami," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas program penataran kepada duta Tutor A+ di PNM di sini.

Program diketuai oleh Pengarah Pendidikan, Wahid Hashim dan Eksekutif Teknologi Maklumat Pendidikan, Khairul Azmi Kamaludin.

Data-data Tutor A+ itu dibentangkan ringkas tentang reka bentuk instruksi Tutor A+ dan meneroka isi kandungan yang menjadi kekuatan laman web yang telah menjadi teman studi pelajar bestari sejak 16 tahun lalu.

"Kami menyambatkan baik penyertaan Tutor A+ dalam perkhidmatan pangkalan data PNM melalui laman ini," ujar beliau.

Katanya, telah hampir dua dekad Tutor A+ memberi sokongan pendidikan kepada masyarakat Malaysia.

"Bapa boleh membantu meningkatkan prestasi pembelajaran anak-anak mereka dengan menggunakan pakar perkhidmatan pangkalan data kami, yang kita tawarkan untuk tempoh dua tahun, bermula tahun ini.

Kami menjemput semua rakyat Malaysia, khususnya ibu bapa dan anak-anak mereka untuk mendaftar sebagai ahli e-Pustaka kerana melalui platform ini kita menyediakan perkhidmatan Tutor A+," katanya.

Tabung yang disediakan ialah Utjana Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tabung Tiga (PTT) dan Sijil Pelajar Negara (SPM).

Antara inisiatif yang dis...



BARISAN kakitangan PNM yang mengikuti program penataran Tutor A+ di Kuala Lumpur baru-baru ini.



MUHAMMAD REDJUAN RAMLI

ZAHUDDIN SIDER/SALLIH

diadakan dengan produk terbaru PNM. Itu ialah, semua pengguna baru datang ke mana-mana Pustakawan Negeri kerana di setiap lokasi itu pihaknya telah merancang sesi latihan kepada ibu bapa dan para pelajar tentang cara pengoperasian perkhidmatan pangkalan data secara yang lebih berkesan.

Perpustakaan Negeri, seterusnya akan menyumbang pengetahuan ke Perpustakaan Daerah, katanya.

Rata-rata, perkhidmatan Tutor A+ melalui e-Pustaka ini merupakan sumbangan PNM kepada rakyat kerana jika mereka melanggan sendiri Tutor A+ di pasaran terbuka, mereka akan dikenakan bayaran yuran langganan dengan kadar tertentu.

Pembantu Pengarah PNM, Muhammad Redjuan Ramli yang turut mengiktisad sesi penataran Tutor A+ mengakui soalan yang disediakan memang mencabar dan menantang.

"Kini saya dapat maklumat yang jelas tentang Tutor A+," katanya.

"Terdapat banyak soalan latih tubi yang dibuat oleh guru pakar mata pelajaran (GMP). Soalan-soalannya saya dapat berprestasi tinggi dan mencabar, yang disertai dengan panduan dan juga kemudahan-kemudahan lain," katanya, yang turut disaksikan oleh peserta lain.

Sastera & Budaya

**Semarak puisi dalam kalangan masyarakat dunia**

Cabaran kepesatan teknologi maklumat berkesan kepada generasi muda

Oleh Nur Afzan Mohamad Yusoff  
[afzan@dn.com.my](mailto:afzan@dn.com.my)

Mengangkat tema Puisi Dalam Zaman Tidak Pasti, acara ini membolehkan generasi muda berkesempatan menunjukkan kemahiran mereka dalam menggunakan seni budaya dan warisan, khususnya puisi kepada generasi muda.

Batu penamat dan juga mahasiswa Jurusan Bahasa Melayu di Tokyo University of Foreign Studies, Suzuki Ayako, berkata puisi tidak sahaja berlaku dalam puisi sahaja tetapi turut membentuk perubahan bertam ilah.

Bagaimanapun, katanya masih ada segelintir generasi muda seperti memarah minat terhadap puisi dan cuba mengubah-ubah karya menggunakan bahasa yang tidak.

"Khalangan media sosial di samping mengancam nilai puisi sebagai puisi namun ia masih boleh digarap sebagai medium untuk mempromosikan puisi."

Untuk memastikan puitis, lakukan ilam isa.

relevan buat masa ini dengan segala maklumat di bidang jati. Untuk memastikan karya sentiasa puisi, saya turut melakukan persembahan puisi dalam beberapa bahasa termasuk bahasa Melayu ke dalam bahasa Perancis.

Sementara itu, pengarah Perancis, Jerome Bocharat, berkata, media sosial selalunya dimantulkan untuk menarik minat awam terhadap puisi.

Katanya hal berkenaan lebih

Ayako hadir pada majlis Malam Baca Puisi Dunia anjuran PNM, ITSM dan MOTAC, baru-baru ini.

Katanya, secara sedemikian turut berperanan menjadi landasan kepada MOTAC memuat Perpustakaan Negara untuk mempromosi Tahun Melayu Malaysia 2020 sebagai perayaan Malaysia sebagai destinasi 'bibliotourism' atau destinasi polimerang sastera status di peringkat Asia.

Dalam majlis yang sama, Sa-nya turut melancarkan katalog puisi bertajuk Puisi Dalam Zaman Tidak Pasti yang memuatkan karya daripada 10 penulis.

Selain Ayako dan Bocharat, acara itu turut disertai dengan deklarasi puisi oleh Sasterawan Negara, Prof Seri Dr A. Saad Said, Prof Rebecca T. Assawee-nawatt, Filizhan, Zeffi, Arif (Husni) dan Dr Free Hearty Baker (Inggeris).



PERPUSTAKAAN Negara menjadi lokasi penganjuran Festival Sastera Kanak-Kanak. - Gambar hiasan

# Semarakkan bidang sastera

BIDANG sastera boleh dikatakan semakin dilupakan.

Bagi menyemarakkan bidang sastera dalam kalangan kanak-kanak, Perpustakaan Negara dan Perbadanan Kota Buku

menganjurkan Festival Sastera Kanak-Kanak yang akan diadakan pada 4 hingga 6 Oktober 2019.

Program tersebut bertujuan menjadikan sastera kanak-kanak dan awal remaja sebagai salah satu komponen penting dalam menyokong pembelajaran sepanjang hayat seterusnya mengembangkan pengkaryaan dalam sastera kanak-kanak.

16 tahun.

INFO

■ Lokasi: Perpustakaan Negara Malaysia, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur

■ Tarikh: 4 hingga 6 Oktober 2019

■ Masa: 9 pagi hingga 5 petang

■ Facebook: Perpustakaan Negara Malaysia

16 tahun.



KHALID ABDUL SAMAD



Caption

KUALA LUMPUR, 4 April -- Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad (kiri) beramah mesra bersama pelajar sekolah ketika Majlis Pelancaran Log Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC2020) di Pusat Dagangan Dunia hari ini.

Turut hadir, Pengarah Eksekutif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Ibrahim Yusuf (empat, kanan) dan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Nafisah Ahmad (kanan).

fotoBERNAMA (2019) HAK CIPTA TERPELIHARA

## Rahsia Pengutip Sampah Jadi Jutawan



## PROGRAM SINGGAH SANTAI



Caption

KUALA LUMPUR, 6 Julai -- Ismail Ahmad (kiri) menunjukkan cara untuk mencanting batik kepada pengunjung pada Program Singgah Santai di Perpustakaan Negara hari ini.

--fotoBERNAMA (2019) HAK CIPTA TERPELIHARA

KHALID ABDUL SAMAD



Caption

KUALA LUMPUR, 4 April -- Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad (tiga,

kiri)

Ibrahim

Yusuf

dan

Ketua

Pengarah

Perpustakaan

Negara

Nafisah

Ahmad

(kanan).

fot

PNM sediakan bas untuk OKU

05 Mac 2019 5:29 PM

KUALA LUMPUR 5 Mac- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mengambil inisiatif menyediakan perkhidmatan pengangkutan bas secara percuma kepada orang kurang upaya (OKU) bagi memudahkan mereka untuk mengunjungi pusat berkenaan.

PNM dalam laman laman web rasminya memaklumkan, kemudahan tersebut akan beroperasi setiap hari Selasa hingga Ahad pada pukul 11.30 pagi dan 3.30 petang.

"Golongan itu hanya perlu menunggu bas di bangunan Persatuan Orang Buta Malaysia (MAB) pukul 11.30 pagi manakala mereka akan dihantar pulang ke MAB pada 3.30 petang.

"Bagaimanapun, pengguna perlu membuat tempahan dalam masa lima hari bekerja sebelum menggunakan perkhidmatan ini," menurut PNM di sini hari ini.

Untuk tempahan dan sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh melayari laman web bse@pnm.gov.my atau hubungi di talian 03-26871819.- UTUSAN ONLINE

Pengutip sampah kini usahawan Berjaya

Tarikh kemaskini: 02/11/2019

KUALA LUMPUR, 2 Nov-- Tekad mengubah nasibnya yang pernah menjadi pengutip sampah dan bergelumang dengan bau busuk sisa buangan, Mohamad Azlan Al Amin kini bergelar seorang usahawan berjaya.

Berkongsi kisahnya, Mohamad Azlan, 32, berkata beliau menjadi pengutip sampah di sebuah syarikat kontraktor pembersihan selama enam bulan di Kem Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Gong Kedak, Pasir Putih, Kelantan pada tahun 2005.

"Ketika itu, saya selalu membawa balik makanan kurang elok yang diasingkan untuk dibuang di kantin Kem TUDM, tetapi masih boleh dimakan seperti ayam dan ikan untuk keluarga.

"Oleh kerana kemiskinan dan keluarga kami pernah dibanci sebagai yang paling miskin di Kampung Tok Raja, Besut, saya tekad untuk mengubah nasib saya dan keluarga," katanya kepada pemberita selepas pelancaran buku 'Rahsia Pengutip Sampah Jadi Jutawan' di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), hari ini.

Buku itu dilancarkan oleh Ketua Pengarah PNM, Maizan Ismail.

Mohamad Azlan berkata pada 2010, selepas usaha pertanian dijalankan tidak berhasil, beliau nekad keluar dari rumah untuk mencari pekerjaan di sekitar bandar Jeritih dengan hanya berbekalkan wang berjumlah RM1,30.

Katanya, beliau kemudian berjumpa dengan seorang individu yang menawarkannya bekerja sebagai ejen hartanah dan daripada situ, ia menjadi titik tolak kejayaannya kini.

Disamping itu, Peneraju Syarikat Azlan A-Amin Properties Sdn Bhd berkenaan berkata amalan bersedekah, rajin beribadah serta menjaga kebajikan kedua-dua ibu bapa juga menjadi kunci kepada kejayaannya.

"Jadikan kemiskinan itu sebagai motivasi dan kekayaan itu sebagai inspirasi, apabila memperoleh rezeki kita perlu berbuat kebajikan dengan hidup berbakti kepada semua.

"Ketika kesempatan, kita jangan lupa beribadah dan bersedekah, dalam masa yang sama sentiasa bersyukur dan menghargai pengorbanan ibu bapa kerana merekalah yang turut memberkati dan merestui rezeki kita," kata anak keenam daripada 21 adik beradik itu.

Dalam pada itu, Mohamad Azlan berharap buku terbitan Syarikat Maleq Rezeki Interprise berkenaan dapat memberi inspirasi kepada anak muda yang dibelenggu kemiskinan dan kesusahan untuk membina kejayaan menerusi kisah benar perjalanan hidupnya.

-- BERNAMA

LAPORAN  
TAHUNAN 2019



Isham (tengah) membaca buku bersama hadirin sempena Program Jom Baca Bersama 10 Minit di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kuala Lumpur, hari ini. - Foto BERNAMA

Isytihar 149 karya P Ramlee ke arah pengiktirafan antarabangsa



Wanita 'pemilik' 5 juta buku gusar tabiat membaca Malaysia

Nur Hasliza Mohd Salleh  
-  
April 16, 2019 9:14 AM



Pemikir Roman, Marcus Tullius Cicero pernah berkata, "sebuah bilik tanpa buku umpama badan tanpa jiwa", begitulah kekusaran seorang wanita "pemilik" 5 juta buku terhadap tabiat membaca di Malaysia.

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Nafisah Ahmad berkata beliau masih belum berpuas hati dengan tahap pembacaan dalam kalangan rakyat negara ini.

"Sepanjang 30 tahun perkhidmatan saya, saya masih belum mencapai matlamat untuk membawa rakyat Malaysia untuk membaca," katanya ketika ditemubual FMT.

JOM BACA 10 MINIT



<http://images.bernama.com>

Majlis Perasmian Pameran dan Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2019



Caption



Dapatkan bahan rujukan kemerdekaan di Perpustakaan Negara

Bernama | 29 Ogos 2019 19:51 MYT



PNM menyediakan bahan rujukan dari sebelum zaman kemerdekaan dan pengunjung mendapatkan rujukan tersebut dalam dua bentuk iaitu cetakan buku fizikal dan digital. Bernama

**KUALA LUMPUR:** Pelajar sekolah rendah, menengah dan universiti yang ingin membuat kajian mengenai sejarah kemerdekaan tanah air disarankan ke Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bagi mendapatkan maklumat tersebut.

Timbalan Ketua Pengarah PNM Siti Aishah Sheikh Kadir berkata PNM menyediakan bahan rujukan dari sebelum zaman kemerdekaan dan pengunjung boleh mendapatkan rujukan tersebut dalam dua bentuk iaitu cetakan buku fizikal dan digital.

DATUK MOHAMADDIN KETAPI



Caption

**KUALA LUMPUR, 26 Mac** – Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Mohamaddin Ketapi mendengar penerangan ketika melawat tapak Pameran Perpustakaan sempena Majlis Perasmian Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid hari ini.

--fotoBERNAMA (2019) HAK CIPTA TERPELIHARA



